

**VOT 71864**

**TAHAP DIALOG PERADABAN: KAJIAN  
DI KALANGAN PELAJAR TAHUN 3 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**AZMI SHAH BIN SURATMAN  
MOHD NASIR BIN RIPIN  
RAMLI BIN AWANG  
SAYED MAHUSSAIN BIN SAYED AHMAD  
ZULKIFLI BIN HARON**

**RESEARCH VOT NO:**

**71864**

**Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial  
Universiti Teknologi Malaysia**

**2007**

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>iii</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>v</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Batasan / Skop Kajian	7
	1.8 Definisi Istilah	8

1.8.1	Tahap	8
1.8.2	Dialog	9
1.8.3	Peradaban	9
1.8.4	Dialog Peradaban	10
1.9	Kesimpulan	10
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>11</b>
2.1	Pengenalan	
2.2	Definisi Dialog	14
2.3	Definisi Peradaban	15
2.4	Konsep Dialog Peradaban	16
2.5	Dialog Peradaban dari Perspektif Islam	21
	2.5.1 Pengertian dan Konsep Dialog dalam Islam	22
2.6	Dialog Peradaban di Malaysia	33
2.7	Kajian Lepas	34
2.8	Kesimpulan	34
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>35</b>
3.1	Pengenalan	35
3.2	Rekabentuk Kajian	35
3.3	Tempat Kajian	36
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	37
3.5	Instrumen Kajian	37

3.5.1	Pengumpulan Data Primer	37
3.5.1.1	Soal Selidik	37
3.5.2	Pengumpulan Data Sekunder	39
3.6	Tatacara Kajian	40
3.7	Analisis Data	41
3.8	Kajian Rintis	41
3.9	Kesimpulan	42
<b>BAB IV</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>43</b>
4.0	Pengenalan	43
4.1	Analisis Data Bahagian A	44
4.2.1	Maklumat Jantina Responden	44
4.2.2	Maklumat Bangsa Responden	44
4.2.3	Maklumat Agama Responden	45
4.2.4	Maklumat Bidang Pengajian Responden	45
4.2.5	Maklumat Fakulti Responden	47
4.2.6	MaklumatTahun Pengajian	47
4.2.7	Maklumat Kelulusan Sebelum Masuk Universiti	48
4.2	Analisis Setiap Item	49
4.2.1	Dimensi Budaya dan Dialog	49
4.2.2	Dimensi Kejujuran	54
4.2.3	Dimensi Nilai Prihatin	56
4.4.4	Dimensi Sikap Toleran	57
4.3	Pengkelasan Item-item	59
4.4	Analisis Tahap Pengkelasan Item-item	62
4.5	Analisis Inferensi	63
4.6	Kesimpulan	66

<b>BAB V</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>67</b>
5.1	Pengenalan	67
5.2	Perbincangan	67
5.2.1	Latar Belakang Responden	67
5.2.2	Dimensi Peradaban	69
5.2.3	Dimensi Budaya & Dialog	69
5.2.4	Dimensi Nilai Kejujuran	70
5.2.5	Dimensi Nilai Prihatin	71
5.2.6	Dimensi Sikap Toleran	71
5.3	Rumusan analisis Ujian Mann Whitney U dan Kruskal-Wallis Perbandingan Dimensi-dimensi Peradaban	72
5.3.1.	Andaian 1	72
5.3.2.	Andaian 2	73
5.3.3.	Andaian 3	74
5.3.4	Andaian 4	75
5.3.5	Andaian 5	75
5.4	Cadangan-Cadangan Untuk Meningkatkan	76
5.5	Rumusan	77
5.6	Cadangan	78
5.6.1	Individu	78
5.6.2	Ahli Akademik	78
5.6.3	Pihak Pentadbiran Universiti	79
5.6.4	Persatuan Pelajar	80
5.6.5	Kementerian Pengajian Tinggi	80
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	81
5.6	Kesimpulan	81

<b>BIBLIOGRAFI</b>	82
<b>LAMPIRAN</b>	88

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w . Dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, maka dapat juga kami menyiapkan laporan Akhir Penyelidikan yang bertajuk “Tahap Dialog Peradaban: Kajian Di kalangan Pelajar Tahun 3 Universiti Teknologi Malaysia.”

Penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada Prof. Dr. Ariffin bin Samsuri, Dekan RMC yang banyak memberikan sokongan dan staf-staf RMC. Penghargaan juga ditujukan kepada Pengarah PPIPS, P.M. Dr. Hussin bin Salamon selaku pengerusi JKKP merangkap Timbalan Pengarah PPIPS.

Tidak lupa juga penghargaan ditujukan kepada rakan-rakan pensyarah Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) UTM yang terlibat dalam membantu menjayakan penyelidikan ini.

Seterusnya penghargaan untuk orang perseorangan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Hanya Allah S.W.T yang dapat membalas segala jasa dan pengorbanan yang diberikan. Semoga Allah sentiasa merahmati dan memberkati sepanjang masa.

**SENARAI SINGKATAN**

S.W.T	Subhanahu Wa Ta'ala
S.A.W.	Sallallahu 'Alahi Wasallam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
TITAS	Tamadun Islam Dan Tamadun Asia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPTM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UN	United Nation
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
MPP	Majlis Perwakilan Pelajar

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	88

## SENARAI JADUAL

<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Skala Likert 4 Peringkat	38
	Skala Tahap	39
4.1.1	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	44
4.1.2	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	44
4.1.3	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Agama	45
4.1.4	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bidang Pengajian Responden	45
4.1.5	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Fakulti Responden	47
4.1.6	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Tahun Pengajian Responden	47
4.1.7	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Kelulusan Terdahulu Sebelum Memasuki Universiti	48
4.2.1	Item 1	49
4.2.2	Item 2	49
4.2.3	Item 3	50
4.2.4	Item 4	50

4.2.5	Item 5	50
4.2.6	Item 6	51
4.2.7	Item 7	51
4.2.8	Item 8	52
4.2.9	Item 9	52
4.2.10	Item 10	52
4.2.11	Item 11	53
4.2.12	Item 12	53
4.2.13	Item 13	54
4.2.14	Item 14	54
4.2.15	Item 15	54
4.2.16	Item 16	55
4.2.17	Item 17	55
4.2.18	Item 18	55
4.2.19	Item 19	56
4.2.20	Item 20	56
4.2.21	Item 21	57
4.2.22	Item 22	57
4.2.23	Item 23	57
4.2.24	Item 24	58
4.2.25	Item 25	58
4.2.26	Item 26	59
4.2.27	Item 27	59

4.3.1	Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Mengenai Budaya Interaksi dan Dialog.	60
4.3.2	Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Mengenai Nilai Kejujuran	61
4.3.3	Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Mengenai Nilai Prihatin	61
4.3.4	Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Mengenai Budaya Interaksi dan Dialog.	62
4.4.1	Skala Analisis Tahap	62
4.4.2	Tahap Persetujuan Responden Terhadap Budaya Interaksi dan Dialog, Nilai Kejujuran, Nilai Prihatin, dan Sikap Toleran Secara Keseluruhan Berdasarkan Peratusan Dan Min	63
4.5.1	Analisis Ujian Mann- Whitney U Perbandingan Setiap Dimensi Peradaban Dari Segi Jantina	63
4.5.2	Analisis Ujian Kruskal-Wallis Perbandingan Setiap Dimensi Peradaban Dari Segi Bangsa	64
4.5.3	Analisis Ujian Kruskal-Wallis Perbandingan Setiap Dimensi Peradaban Dari Segi Agama	65
4.5.4	Analisis Ujian Kruskal-Wallis Perbandingan Setiap Dimensi Peradaban Dari Segi Fakulti	65
4.5.5	Analisis Ujian Kruskal-Wallis Perbandingan Setiap Dimensi Peradaban Dari Segi Tahun Pengajian	66

**ABSTRACT****THE LEVEL OF CIVILIZATIONAL DIALOGUE AMONG THIRD YEAR  
STUDENTS OF UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

*(Keywords: Civilizational Dialogue, The Level of Civilizational Dialogue, Civilization)*

The objective of this research is to examine and to identify the level of civilizational dialogue among 3rd year students of Universiti Teknologi Malaysia (UTM). This research is focusing on the respondent's culture of interaction and dialogue, honesty and values of concern and an attitude of tolerance among the students. This is a descriptive study using questionnaire containing 27 items using Likert Scale 1 to 4. It has been distributed to 467 respondents among 3<sup>th</sup> year students from various Faculty in Universiti Teknologi Malaysia, and analyzed using *Statistical Package For Social Science (SPSS) 11.5 for Windows* to get the frequency, percentage and mean which is presented in a table form. Overall outcome of this research shows that the level of score is average, however values of concern and the level of tolerance are high. This high level score could be improved with the suggestion has been presented in this research. In future, university management could organize more programs on civilizational dialogue among this student of University Technology of Malaysia. In general it was found that the foundation of civilizational dialogue among the respondents are strong. Nurturing and motivating towards upgrading the programs and internalization of civilizational dialogue should be continuously developed. All the efforts in promoting the dialogue should be supported by various layer of society especially the leaders.

**Key Researchers:**

Mr. Azmi Shah Bin Suratman  
Mr. Mohd Nasir Bin Ripin  
Dr. Ramli Bin Awang  
Mr. Sayed Mahussain Bin Sayed Ahmad  
Mr. Zulkifli Bin Haron

E-mail : [azmishah@utm.my](mailto:azmishah@utm.my)

Tel No: 07-5535075/91

Vot No: 71864

## ABSTRAK

### TAHAP DIALOG PERADABAN: KAJIAN DI KALANGAN PELAJAR TAHUN 3 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

(Keywords: *Dialog Peradaban, Tahap Dialog Peradaban, Peradaban*)

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji dan mengenalpasti tahap nilai-nilai dialog peradaban di kalangan pelajar Tahun 3 Universiti Teknologi Malaysia. Penyelidikan ini memfokuskan dimensi peradaban dengan mengenalpasti budaya interaksi dan dialog responden dalam dialog peradaban, mengenalpasti kejujuran dan nilai-nilai prihatin dalam dialog peradaban serta mengenalpasti sikap toleransi di kalangan responden. Sampel kajian ini melibatkan 467 orang responden yang merupakan pelajar Tahun 3 Universiti Teknologi Malaysia. Penyelidikan ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik. Satu set borang soal selidik yang diedarkan kepada responden mengandungi 27 item yang menggunakan Skala Likert 1 hingga 4. Dapatan kajian yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) 11.5 for Windows* bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhannya, tahap dialog peradaban adalah sederhana, namun dalam nilai prihatin dan sikap tolenran adalah tinggi. Walaupun begitu usaha untuk mempertingkatkan ke arah dialog peradaban yang lebih berkesan dapat dilakukan dengan beberapa cadangan yang diutarakan di dalam kajian ini. Selain itu, pihak pengurusan universiti perlu menganjurkan lebih banyak program berkaitan dialog peradaban di antara pelajar pelbagai kaum di peringkat universiti. Pada umumnya didapati bahawa asas untuk berdialog antara peradaban di kalangan responden adalah kukuh. Pemupukan dan ransangan ke arah meningkatkan usaha program dan penghayatan dialog harus senantiasaa berkembang. Dan usaha-usaha ini harus didokong dan disokong oleh semua lapisan masyarakat terutamanya di kalangan pemimpin.

#### Penyelidik Utama:

En. Azmi Shah Bin Suratman (Ketua)  
En. Mohd Nasir Bin Ripin  
Dr. Ramli Bin Awang  
Tn. Sayed Mahussain Bin Sayed Ahmad  
En. Zulkifli Bin Haron

E-mail : [azmishah@utm.my](mailto:azmishah@utm.my)  
No. Tel: 07-55335075/91  
Vot No: 71864

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1. Pengenalan**

Isu mengenai pengamalan dan pelaksanaan dialog peradaban merupakan topik yang penting dalam usaha mengembalikan keharmonian dan ketenteraman dalam sesebuah masyarakat dan negara. Malah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengistiharkan tahun 2001 sebagai Tahun Dialog Peradaban. Pengistiharan ini memberi isyarat bahawa ketegangan dan konflik harus diusahakan agar dapat di kurang dalam masyarakat dunia. Perpecahan dan konflik yang berlaku dalam masyarakat dunia pada amnya terjadi adalah disebabkan oleh pelbagai sebab. Mungkin barangkali dari sebab intergriti sahsiah individu hinggalah kepada intergriti pemimpin dalam sesebuah masyarakat, dan melibatkan pelbagai sektor daripada sektor ekonomi, politik, sosial, agama dan sains dan teknologi.

Sememangnya masyarakat dunia tidak dapat elak daripada perbezaan-perbezaan biologikal, demografi, geografi, autoriti kekuasaan dan kepelbagaian individu dalam masyarakat, namun keadaan ini harus ditangani dan diurus dengan baik. Malah dalam komuniti yang kecil sekali pun berlaku perbezaan dan kepelbagaian yang berbagai ragam yang juga perlukan perhatian serius. Sebab itu salah satu cara untuk mengurangkan jurang salah faham dan kesefahaman, maka dialog antara peradaban diketengahkan sebagai salah satu perantara yang dikatakan berkesan.

Masyarakat dunia telah menyaksikan beberapa insiden yang bersangkutan dengan soal hubungan dan salah faham, malah lebih itu ialah konflik dan ketegangan

antara peradaban, misalnya pencerobohan terhadap masjid Babri pada tahun 1992 di Delhi sebagai sikap dengki dan melampau terhadap minoriti masyarakat Islam oleh pelampau Hindu yang dikatakan telah mengorbankan ribuan angka kematian. (Chandra Muzaffar, 2003:72) Sebaliknya juga dalam sejarah terdapat beberapa kes di India, dimana panglima dan tentera Islam bertindak memusnahkan kuil-kuil Hindu walaupun perkara sebegini sememangnya dilarang oleh hukum Islam sendiri. Keadaan yang sama turut berlaku apabila raja-raja Hindu bertindak membunuh rakyatnya yang beragama Islam. Sebelum kedatangan Islam di India, terdapat kejadian golongan Buddha memusnahkan kuil-kuil Hindu seperti juga golongan Hindu melakukan tindakan yang sama menghancurkan kuil-kuil Buddha. (Chandra Muzaffar, 2001:12) Kesemua ini merupakan contoh-contoh yang boleh diambil iktibar akibat daripada kurang memahami tamadun lain dan kurang interaksi positif. Begitu juga yang berlaku di Afghanistan pencerobohan tentera Russia dan America, konflik antara pemisah Islam dengan kerajaan Thailand, Konflik antara Iraq dan America. Malahan dalam bidang ekonomi dan politik pun berlakunya konflik apabila kuasa besar dunia bertindak sebagai pembuat dasar bagi negara kecil dan lemah, juga menentukan apa yang harus dilakukan mengikut telunjuk mereka. Sebagai contoh negara Amerika yang senantiasa menjadi polis dunia yang akhir menjajah negara yang kecil dengan bermain politik peringkat antarabangsa. Persepsi ini seringkali diutarakan oleh negara yang dijajah, tapi bagi persepsi negara besar sebaliknya mengatakan itu adalah satu pertolongan menyelesaikan masalah.

Malah konflik dan ketegangan hubungan ini juga berlaku di negara kita. Sebagai contoh peristiwa 13 Mei 1969, peristiwa di kampung Medan pada 2001 dan polarisasi kaum dikalangan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Ini merupakan isu yang harus dibincangkan dan dicari penyelesaian pratikal dan berkesan. Dalam konteks di IPTA kementerian Pendidikan Tinggi telah mengajurkan dan mewajibkan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Kenegaraan dan Hubungan Etnik sebagai satu persiapan ke arah masyarakat yang saling hormat-menghormati melalui Dialog antara Peradaban.

## 1.1 Latar Belakang Masalah

Dalam masyarakat Malaysia yang majmuk terdiri daripada berbilang bangsa, agama, budaya serta pemikiran yang pelbagai sudah mengundang cara hidup dan berfikir yang berbagai ragam serta berbeza. Keadaan ini pastinya akan mengujudkan perspeksi dan sikap yang berbeza antara seorang dengan yang lain. Kemungkinan besarnya akan menimbulkan prejudis dan konflik antara kaum dan bangsa di Malaysia.

Dalam sejarah Malaysia yang sudah merdeka pun kita telah menyaksikan beberapa peristiwa yang mengusarkan kita dan pemimpin negara. Peristiwa yang trajis yang melibatkan bukan sahaja melibatkan masalah perbezaan stratifikasi sosio-ekonomi, masalah interaksi sosio-budaya tetapi juga identiti dan intergriti bangsa iaitu peristiwa rusuhan 13 Mei pada tahun 1969. Peristiwa ini bukanlah sesuatu yang tidak diramal sama sekali, kerana terdapat berbagai peristiwa pernah berlaku sebelum dan selepas kemerdekaan yang menunjukkan dengan jelas corak perhubungan bangsa yang tidak menyenangkan khususnya masalah ini timbul di antara orang-orang Melayu dan orang-orang keturunan Cina dan pada amnya di antara pihak bumiputera dan bukan bumiputera. (Wan Halim Othman, 1982:38). Begitu juga contoh pergaduhan antara kaum India dan Melayu di beberapa kawasan pada 10 Mac 2001 berlaku kerana salah faham yang telah melibatkan kematian enam orang dan 40 orang lain cedera di beberapa buah kampung (Utusan Malaysia, 11 Mac 2001). Demikian contoh insiden yang harus di ambil iktibar dan teladan ke arah menjadi masyarakat Malaysia yang aman dan harmonis terhindar dari peristiwa hitam.

Dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan majmuk setiap bangsa mempunyai latar belakang kebudayaan, agama, adat serta cara hidup yang berbeza. Perbezaan ini tidak dapat dihapuskan kecuali dengan mengiktiraf dan akur kewujudan perbezaan ini. Perspektif terbuka dan sikap lapang dada mengakui dan menghormati perbezaan selain daripada mencari persamaan dan bekerjasama dalam hal-hal yang boleh dipersetujui bersama adalah merupakan sikap fundamental yang harus wujud

dalam masyarakat Malaysia. Kepentingan untuk mengujudkan masyarakat saling bantu membantu dan bekerjasama dalam hal sepakat dan sefahaman tapi saling hormat-menghormati serta akur terhadap perbezaan dan kelainan budaya dan agama.

Oleh itu pemupukan semangat untuk saling hormat menghormati dan tahap toleransi yang tinggi harus dimulakan dari peringkat sekolah. Sekolah merupakan wadah yang berkesan untuk menerapkan semangat untuk memahami sekaligus membina sifat jujur, prihatin, hormat, kerjasama, berbaik sangka, interaksi dan sikap toleran dan akur terhadap perkara yang berbeza atau yang tidak dipersetujui. Pemupukan nilai-nilai murni dan baik lebih mudah dan berkesan dilakukan semasa kanak-kanak masih kecil melalui kokurikulum sekolah yang terancang. Pemupukan nilai peringkat awal ini merupakan wadah yang berharga ke arah dialog antara peradaban. Oleh itu, bertepatan dengan pelaksanaan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan melalui sekolah Wawasan sebagai suatu *micro concern* kepada dialog peradaban, membolehkan murid-murid dan guru-guru daripada tiga aliran dan latar belakang budaya serta agama yang sangat berlainan bertemu, berinteraksi dan berkongsi untuk kebaikan. (Mahadzir Mohd Khir, 2005: 46).

Malah usaha pemupukan nilai ini bukan sahaja terletak pada sektor pendidikan tetapi sektor-sektor lain juga harus memainkan peranan. Misalnya sektor ekonomi dan politik sama pentingnya dengan sekolah. Pengerak sektor-sektor ini harus menyediakan persekitaran yang selesa, seimbang dan adil untuk semua bangsa dan agama. Pengurusan dan pentadbiran harus mengikut prinsip kebenaran dan keadilan serta beretika.

Menurut Rusimah Sayuti dan rakan-rakan bahawa pelajar-pelajar berbilang bangsa yang berada sama ada IPTA atau IPTS hidup dalam satu komuniti dengan tujuan yang sama iaitu menuntut ilmu lebih mudah untuk saling faham memahami dalam berbagai aspek. Sebagai contoh memahami amalan agama sesuatu bangsa terutama dalam konteks kehidupan berasrama adalah penting (Rusimah Sayuti, Salma Ishak dan Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, 2004:162).

Dalam konteks masyarakat pelajar di institusi pengajian tinggi, pelajar adalah cerminan masyarakat Malaysia, malah mereka ini merupakan bakal pewaris pemimpin negara dan pemacu masyarakat maju. Jika berlaku polarisasi kaum antara pelajar, wujud konflik senyap antara pelajar dari berbagai kaum dan etnik, hubungan yang renggang antara agama dan bangsa dikalangan pelajar-pelajar ini, maka sudah pasti menjadi tanda tanya, apakah akan terjadi pada generasi muda dan masyarakat Malaysia akan datang. Apakah corak dan warna hubungan antara kaum dan bangsa?

Berdasarkan beberapa perspektif dan fenomena ini, maka kami bersepakat mengambil pelajar Universiti Teknologi Malaysia tahun 3 dari berbagai fakulti dan bangsa serta agama menjadi sampel kajian ini. Pelajar-pelajar ini telah melalui kursus wajib universiti seperti subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan subjek Kenegaraan Malaysia yang mana sekarang ini subjek ini diberi nama baru sebagai Hubungan Etnik.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pelajar Institusi Pengajian Tinggi merupakan generasi dan pewaris kepada kepimpinan negara serta pencorak pemikiran masyarakat akan datang. Pelajar Universiti Teknologi Malaysia dipilih mewakili IPTA-IPTA di Malaysia terdiri daripada pelbagai bidang kursus pengajian, bangsa, budaya, agama, dan adat yang berbeza tetapi menuntut ilmu dalam kampus dan tinggal di asrama yang sama.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti setakatmanakah tahap dialog peradaban terutama dilihat dari segi dimensi budaya, interaksi dan dialog, nilai-nilai kejujuran, perhatian dan sikap toleran. Apakah terdapat budaya dan nilai tersebut dalam diri pelajar untuk mewujudkan persefahaman dalam konteks pelajar UTM. Dalamertikata lain adakah terdapat nilai-nilai dialog peradaban yang diterjemahkan dalam kehidupan harian dikampus

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

- 1.3.1 Mengenalpasti tahap budaya interaksi dan dialog peradaban di kalangan pelajar
- 1.3.2 Mengenalpasti tahap amalan nilai kejujuran dan nilai prihatin dalam dialog peradaban di kalangan pelajar.
- 1.3.3 Mengenalpasti tahap toleransi dikalangan pelajar dalam interaksi dikalangan pelajar.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Untuk mencapai matlamat kajian ini, maka persoalan yang berkaitan adalah:

- 1.4.1 Apakah tahap budaya interaksi dan dialog peradaban di kalangan pelajar?
- 1.4.2 Apakah tahap amalan nilai kejujuran dan nilai timbang rasa dalam dialog peradaban di kalangan pelajar?
- 1.4.3 Apakah tahap toleransi dikalangan pelajar dalam interaksi dikalangan mereka?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Universiti sebagai satu wadah berinteraksi dalam satu komuniti ilmu pengetahuan. Malah Universiti di jadikan wadah yang mana bukan hanya ilmu tetapi kemahiran insaniah yang berguna seperti komunikasi, kepimpinan, kemahiran komputer, ketrampilan berorganisasi, pembinaan sahsiah dan rupa diri. Dalam konteks dialog peradaban Universiti adalah wadah penting yang mana pelajar mempelajari budaya dan pengalaman kehidupan beragama, budaya, adat dan tamadun bangsa orang lain selain daripada lingkungan sendiri dan masyarakatnya. Menerusi perbincangan, pertukaran

fikiran, interaksi ilmu pengetahuan dalam kuliah dan di asrama, pelajar dapat melalui proses sosialisasi yang berterusan dan secara tidak langsung ianya akan asimilasi dengan proses semulajadi yang akan menimbulkan reaksi berbagai sikap positif dalam perhubungan sosial. Pasti proses ini akan mewujudkan interaksi dan akomodasi di antara mereka yang harus di jadikan sebagai satu proses yang berterusan agar menjadi satu kebiasaan yang nantinya menjadi satu budaya yang mantap.

Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan tahap dialog peradaban di kalangan pelajar dengan memberikan cadangan dan langkah-langkah untuk meningkatkan pengamalan dialog peradaban di Universiti ini khususnya dan di IPTA lain pada umumnya. Kajian ini mempunyai kepentingannya apabila melihat beberapa kondisi yang sedia ada agar kita dapat meningkatkan tahap persefahaman, toleransi, kerjasama, saling membantu serta perpaduan di kalangan pelajar di universiti.

Seterusnya, pada peringkat yang lebih tinggi terutamanya pihak pengurusan Universiti mengambil langkah yang sewajarnya berdasarkan prinsip-prinsip asas berdialog agar nilai-nilai teras dalam dimensi dialog peradaban dan interaksi antara tamadun dapat di aplikasi. Melalui pendekatan ini diharapkan masyarakat kampus terus berkembang secara harmonis yang mana ianya akan menjadi cerminan dan terjemahan pada generasi dan masyarakat pada dekad-dekad yang mendatang.

## **1.6 Batasan / Skop Kajian**

Kajian ini dilakukan ke atas pelajar-pelajar Tahun 3 di semua Fakulti di Universiti Teknologi Malaysia yang terdiri daripada berbagai bangsa, agama, budaya dan ideologi. Kajian ini adalah kajian bersifat lokaliti iaitu kajian setempat yang dijalankan di dalam universiti.

Dialog antara peradaban adalah satu konsep yang luas mencakupi berbagai dimensi dan pengertiannya pula boleh di tinjau dari pelbagai aspek. Dalam konteks kajian ini, skop yang kami akan lihat dan tinjau adalah aspek budaya berinteraksi, nilai

kejujuran dan nilai prihatin serta sikap toleran merupakan aspek yang ditumpukan. Nilai-nilai ini merupakan antara nilai-nilai asas dalam berdialog antara orang yang mempunyai peradaban. Tahap amalan nilai-nilai dialog peradaban di kalangan mereka dapat dilihat menerusi nilai-nilai ini.

Dengan keterbatasan yang ada juga, maka kajian ini hanya dilakukan di kampus UTM, Skudai khususnya pelajar-pelajar Tahun 3 bagi sesi pengajian 2002/2003 semester 2 dari berbagai fakulti, bangsa, agama dan budaya yang sedang atau sudah mengambil subjek TITAS.

## **1.7 Definisi Istilah**

Definisi istilah adalah bertujuan untuk menjelaskan tentang istilah-istilah yang berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan. Kami telah mengenalpasti beberapa istilah yang perlu diterangkan pengertiannya bagi memberi penjelasan dan kefahaman. Definisi istilah kajian ini adalah berdasarkan kepada tajuk penyelidikan iaitu “Tahap Dialog Peradaban Di Kalangan Pelajar Tahun 3 Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.”

### **1.7.1 Tahap**

Tahap membawa maksud peringkat, tingkat (Kamus Dewan, 2005: 1569). Maksud tahap dalam kajian ini adalah ukuran pada tingkat manakah budaya interaksi, kejujuran, nilai prihatin dan sikap toleran tentang dialog peradaban di kalangan pelajar-pelajar berbilang bangsa, agama, kaum dan budaya.

### 1.7.2 **Dialog**

Dialog bermaksud perbincangan atau perundingan antara dua pihak yang bertelingkah kepentingannya (Kamus Dewan, 2005: 3482). Selain itu berdialog yang disebutkan dalam Kamus Dewan juga memberi erti bertukar-tukar pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu secara terbuka.

Menurut Ghazali Basri (1990: 40), dialog adalah suatu bicara, komunikasi antara dua pihak atau lebih samada secara formal atau tidak formal. Selain itu, dialog bukannya semata-mata satu siri perbincangan malahan ia adalah satu cara berfikir yang baru; satu cara untuk melihat alam dan kehidupan serta maknanya.

### 1.7.3. **Peradaban**

Manakala peradaban pula didefinisikan sebagai tamadun, keadaan serta tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani serta rohani (sesuatu bangsa, masyarakat dsb) (Kamus Dewan: 2005). Tamadun yang seerti dengan peradaban juga membawa maksud keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain) yang tinggi (Kamus Dewan: 2005). Selain itu, tamadun dimaksudkan dengan negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain) serta keadaan pemikiran (budaya dan moral yang halus) (Kamus Dewan: 2005).

Menurut Prof. Syed Muhammad Naguib al-Attas bahawa peradaban ialah keadaan kehidupan insan yang bermasyarakat yang mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya. (Al-Attas, 1979:77)

### 1.7.4. **Dialog Peradaban**

Menurut Chandra Muzaffar (2003) pula, dialog peradaban juga bermaksud inter-komunikasi dan persefahaman antara tamadun berdasarkan kepada elemen penting iaitu

memahami budaya masing-masing tanpa ada rasa prejudis terhadap masyarakat daripada kaum yang lain (<http://www.pkpim.net/modules/news>).

Oleh yang demikian, dialog peradaban dapat difahami sebagai perundingan, interaksi positif antara dua pihak, komunikasi dua hala atau lebih peradaban yang bertujuan untuk memupuk persefahaman dan pengertian, berkongsi perspektif dalam menyelesaikan masalah dalam pelbagai aspek, bertoleran sesama rakan dialog yang berlainan peradaban, kerjasama yang disepakati, bertukar-tukar pendapat dan fikiran dan sebagainya.

## **1.8 Kesimpulan**

Dengan dialog peradaban, konflik dan pertembungan antara peradaban akan dapat di selesaikan. Oleh kerana itu, langkah-langkah yang sistematik perlu dijalankan pada peringkat global dan lokal bagi untuk menerapkan nilai-nilai murni menerusi dialog antara peradaban. Sesungguhnya perbezaan antara peradaban-peradaban bukanlah satu masalah tetapi satu peluang untuk kita mendekati, mengenali, berinteraksi, bersefahaman dan bekerjasama serta bertoleran membina sebuah masyarakat yang harmonis.

Filename: BAB1  
Directory: G:  
Template: C:\Documents and  
Settings\Compaq\_Administrator\Application  
Data\Microsoft\Templates\Normal.dot  
Title: BAB I  
Subject:  
Author: fauzana  
Keywords:  
Comments:  
Creation Date: 27/03/2007 15:10:00  
Change Number: 2  
Last Saved On: 27/03/2007 15:10:00  
Last Saved By:  
Total Editing Time: 2 Minutes  
Last Printed On: 27/03/2007 15:12:00  
As of Last Complete Printing  
Number of Pages: 10  
Number of Words: 2,250 (approx.)  
Number of Characters: 14,745 (approx.)

## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik menumpukan aspek teori mengenai dialog peradaban, perbincangan dan perbahasan serta kajian-kajian yang bersangkutan dengan tajuk. Perbincangan dalam bab ini boleh dijadikan asas panduan untuk melihat secara objektif dan rasional mengapa tajuk tajuk dibincangkan. Rujukan dari pelbagai sumber akan membantu penyelidik dalam menyaring, memilih dan menentukan arah tuju perbincangan kajian ini.

Istilah dialog peradaban merupakan satu istilah yang boleh membawa banyak pengertian dan konotasi bergantung dimensi mana yang hendak kita bahaskan. Dua perkataan iaitu dialog dan peradaban bukanlah istilah baru dalam dunia peradaban manusia. Malah perkataan tersebut merupakan perkataan yang lama dari segi aplikasinya dalam kehidupan manusia sejak wujudnya manusia di bumi ini. Namun begitu, konsep dialog peradaban dengan berbagai macam bahasan dari agama, politik, ekonomi, sosial dan budaya adalah satu yang baru dalam dunia barat. Pemikiran dan konsep ini dikatakan bermula pada abad ke 19 iaitu pada tahun 1893 di Amerika Syarikat dengan terlaksananya World Parliament of Religion di Chicago. Perkembangan seterusnya diikuti dengan pelancaran Ecumenical Movement pada 1910 dan 1912 yang memberi ruang kepada dua aliran mazhab Kristian iaitu Kristian Orthodox dan Protestant. Aliran mazhab Kristian Katolik menyertai pertemuan dan perbincangan tersebut pada Second Vatican Council pada 1962 sehingga pada 1965. Seterusnya pertemuan dan dialog semacam itu disertai oleh organisasi agama-agama lain dan ideologi pelbagai. (Leornard Swidler, 1986) Malah pada 1970 Dewan Gereja Sedunia menganjurkan gereja-gereja untuk menciptakan dialog dengan penganut agama lain. Bahkan mengeluarkan pedoman dan menyebut kegiatan

dialog sebagai perjalanan dan tugas suci gereja-gereja ( *the common pilgrimage of the churches* ). (Mun'im A. Sirry, 2004: 226)

Gagasan dan pemikiran mengenai dialog mulai mendapat tempat apabila Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) membahaskan mencari pemikiran baru bagi mencari jalan penyelesaian terhadap konflik, pengaduhan dan perbalahan yang berlaku antara-negara di dunia. Walaupun konflik berlaku kerana perbezaan dari segi budaya, agama, politik, ekonomi dan sebagainya, namun persamaan tetap ada misalnya persamaan nilai sejagat dapat dikongsi bersama bagi mencapai matlamat. Malah dalam sejarah fungsi lengkap melengkap antara satu peradaban atau tamadun yang lain berlaku, misalnya kes Islam dan Confucianisme dalam konteks di China. (Lee Check Yin, 1997: 19)). Ini semua dapat direalisasi menerusi dialog antara peradaban dengan segala pra-syarat dan keperluannya.

Sebab itu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengistiharkan tahun 2001 sebagai Tahun Dialog Peradaban. Pengistiharan ini adalah untuk menggalakan perbincangan dan pertemuan antara individu, kelompok, organisasi dan masyarakat dari pelbagai peringkat dan latarbelakang mencari titik tolak untuk berkongsi pemikiran, bersefahaman, bekerjasama demi keharmonian dan kedamaian sejagat. Terdapat beberapa aspek nilai yang menjadi sasaran dan ruang lingkup perbincangan dalam dialog antaranya ialah nilai kemanusiaan, toleransi, kejujuran, kerjasama, komunikasi dan interaksi sesama insan, Kerjasama global, usaha peningkatan status sosial dan ekonomi, kualiti hidup manusia dan kesejahteraan hidup masyarakat global yang mendatangkan manfaat yang luas ke dunia. (Sulaiman Huzain, 1994., Khatami, 1998)

Ketika perang dingin, Amerika Syarikat mewakili pihak Barat telah memperkenalkan dialog antara agama, kebudayaan dan peradaban sebagai satu pendekatan berdamai. Manakalan Soviet mewakili negara sebelah Utara telah menyeru agar kerjasama dan perdamaian untuk semua bangsa dan negara perlu ada. Namun, negara Barat tidak pernah mengotakan apa yang disarannya tapi sebaliknya terus menguasai dan menjajah budaya, pemikiran dan mencabar nilai-nilai orang-orang Asia. Bukan itun

sahaja, bahkan menggambarkan orang-orang sebagai *'outmoded'*, *'archaic'* dan juga *'primitive'*. (Chandra Muzaffar, 2003:85)

Kegiatan dan aktiviti dialog diperingkat antarabangsa dalam bidang agama banyak dijalankan. Misalnya Raja Morocco dan Foundation for the three cultures of Mediteranean dari Spain mengadakan dialog Jewish-Christian-Muslim on Religion, Tolerance and Modernity pada Oktober 1999 di Universiti Al-Akhawayn, Morocco. Tambahan banyak program persidangan, bengkel, seminar dialog peradaban di Jepun dalam tahun 2000-2001 dan di Jordan pada 2001. Sambutan yang amat mengalakan ini memberi gambaran bahawa masyarakat dunia sedar bahawa dialog peradaban ini adalah merupakan salah satu pendekatan untuk mengurang ketegangan dan konflik antara manusia.

## 2.2. Definisi dialog

Dalam satu Laporan Persidangan Antarabangsa Dialog Peradaban tahun 2001, dialog peradaban merujuk kepada perbuatan mendengar kepada kepercayaan, pengadilan, kerisauan masyarakat bukan hanya terhadap budaya yang berlainan, etnik atau latar belakang kepercayaan tetapi juga perbezaan keyakinan politik, kedudukan sosial dan kekuatan ekonomi (Laporan Persidangan Antarabangsa Dialog Peradaban, 2001: 2).

Leornard Swidler seorang profesor di Universiti Temple menyatakan bahawa dialog adalah istilah yang digunakan zaman sekarang sebagai satu pertemuan dan perbincangan antara individu-individu atau kumpulan yang berlainan agama dan ideologi. Tujuan utama dalam dialog ialah untuk saling mempelajari diantara peserta dialog sehingga setiap peserta boleh mengubah pandangannya keatas suatu pemahaman yang lebih baik dan dapat meningkatkan pengalamannya. (Leornard Swidler, 1992: iii)

Manakala Dr. Abdel Kader Fustok pula dalam artikelnya *A Monologue about Dialogue* menyatakan bahawa dialog adalah suatu proses yang yang luas dan bermakna dalam. 'Dialog' merupakan ayat yang berasal dari kata yunani 'Dia' yang bermakna 'melalui' dan 'logos' yang bermakna 'kata-kata' atau 'makna'. Jadi, makna dialog secara ringkas ialah suatu konsep proses penyampaian kata-kata dan makna kepada beberapa orang dan kumpulan.

Dialog tidak sama dengan debat ataupun diskusi. Dari aspek etimologi, diskusi lebih kepada kegiatan dengan tujuan memecahkan sesuatu masalah. Sedangkan debat ialah kegiatan yang bermakna lebih kepada mengalahkan pendapat orang lain. Diskusi membawa pertukaran nilai dan lebih bermakna, tetapi kadang kala ianya masih dipergunakan untuk membawa objek bagi memenangkan fakta-fakta tertentu, masih mengandungi makna ada proses yang menang dan kalah. Sedangkan dialog mengandungi makna yang lebih luas dan membawa kepada keadaan semua pihak dapat mengambil manfaat atau dikenali *win-win situation*. Dengan berkembangnya pendidikan massa, komunikasi dan perjalanan yang semakin mudah ditempuh, peningkatan ekonomi dunia, cabaran globalisasi, pemanasan global telah meningkatkan semangat di kalangan masyarakat dunia untuk melaksanakan dialog dan memandangnya sebagai suatu keperluan agar pertukaran pendapat dapat kongsi bersama. Dengan berkembangnya khazanah budaya dan peradaban menyebabkan dialog semakin relevan. Oleh itu, zaman ini adalah zaman dialog seperti yang nyatakan oleh Swidler (1992) dalam kata pengantar buku *Muslim in Dialogue*, katanya '*this series of volumes on religions and ideologies, in dialogue is concerned: to help move us out of the age of monologue into the Age of Dialogue*".

### 2.3 Definisi Peradaban

Terdapat pelbagai istilah yang digunakan oleh sarjana terutama sarjana sejarah dan ketamadunan dalam memperihalkan perkara yang dikatakan sebagai "tamadun" itu. Kamus Dewan telah menggunakan dua istilah dalam menghuraikan berkaitan dengan istilah *tamadun* dan *peradaban*. Mengikut Kamus Dewan istilah *peradaban* merujuk kepada:

"keadaan serta tongkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani sesuatu bangsa atau masyarakat, atau keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain); negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain); budaya atau cara hidup orang-orang (negara, kawasan atau sesuatu zaman); dan keadaan pemikiran (budaya dan moral yang halus)" (Tengku Iskandar:1986)

Dalam pandangan sarjana Barat Istilah *tamadun* atau *civilization* dalam bahasa Inggeris diambil dari perkataan Latin yang merujuk kepada *kebandaran*. M.A.J. Beg (1985: 19) membawa definisi ahli antropologi, Darcy Riberio (1968) dalam bukunya *The Civilizational Process* bahawa tamadun ada sembilan ciri antaranya menekankan proses perkembangan teknologi pertanian, perkembangan perbandaran dan negara sebagai pusat sistem pentadbiran, perkembangan inovasi dalam perairan pertanian, perkembangan penciptaan teknologi untuk dalam pembangunan ekonomi masyarakat dan industri. Justeru itu, Muhammad Jabbar Beg (1985: 17, 20) berpandangan bahawa tamadun adalah pencapaian manusia mengadungi elemen-elemen yang kompleks dalam menghasilkan bentuk kota, skrip, kesenian, seni bina, agama, undang-undang dan rangka kerja politik. Beliau menyatakan bahawa tamadun yang tertua di dunia ialah Tamadun Mesopotamia yang lahir lebih kurang 5000 tahun yang lampau. Tamadun lahir apabila manusia mula tinggal menetap dalam kumpulan-kumpulan besar di bandar dan mengamalkan pengkhususan pekerjaan. Ini menyebabkan berlaku perkembangan dalam aspek-aspek budaya, kebendaan, intelektual dan kesenian ke tahap amat kompleks.

Arnold J. Toynbee (1947) dalam bukunya *A Study of History* telah menghuraikan fenomena tamadun secara terperinci dan mendalam tentang konsep, perkembangan dan perjalanan tamadun sebagai satu rangkaian sejarah. Pasang surut tamadun seakan-akan satu kitaran dari kemunculan, perkembangan tamadun, cabaran dalam bertamadun, kegagalan dan pepecahan bertamadun akibat kehilangan kekuatan diri dan hubungan dengan perkembangan persekitaran.

Manakala menurut Prof. Syed Muhammad Naguib al-Attas bahawa peradaban ialah keadaan kehidupan insan yang bermasyarakat yang mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya. (Al-Attas, 1977: 7)

Berdasarkan kepada beberapa pendapat di atas dapat dirumuskan bahawa peradaban atau tamadun pada umumnya merupakan satu konsep yang luas dan kompleks. Ia merujuk kepada pencapaian sesuatu masyarakat yang merangkumi aspek rohani, intelek, emosi, dan jasmani. Dan pastinya dalam pembangunan sebuah peradaban atau tamadun mencakupi bidang dalam ilmu pengetahuan, kepercayaan agama, akhlak dan

sahsiah, pentadbiran, undang-undang, kesenian, perbandaran, pembangunan sains dan teknologi dan adat resam.

#### **2.4. Konsep Dialog Peradaban**

Sejak Samuel P. Huntington mengemukakan tesisnya yang bertajuk *Benturan Antara Peradaban (Clash of Civilization)*, telah menimbulkan kontroversi dan reaksi dari pelbagai pihak yang menganggap tesis sebagai satu spekulasi yang mengundang perbincangan tentang hubungan Islam dan Barat. pelbagai reaksi dan pendapat telah dikemukakan oleh pelbagai pihak sebagai tindak balas kepada konsep benturan antara peradaban yang telah dikemukakan oleh tokoh tersebut. Selain itu, wujud juga banyak persidangan yang membincangkan tentang tesis yang telah dikemukakan oleh sarjana Barat ini bagi menolak pendapatnya sehingga wujudnya dialog antara peradaban. Dalam tesis Huntington beliau mengemukakan bahawa percaturan politik dunia pada masa hadapan akan terjadi di antara kelompok-kelompok yang berbeza peradaban. Dengan kata lain, benturan antara peradaban akan menjadi garis pertempuran pada masa hadapan dan tentangan yang paling besar sekali datangnya daripada peradaban Islam dan Konfusius yang bersengkongkol untuk menentang peradaban Barat. (Shaharom TM Sulaiman, 1998:55).

Tesis Huntington mendapat bantahan bukan sahaja dari luar Amerika sahaja malah dikalangan tokoh akademik Amerika sendiri, misalnya Donald K. Emerson profesor politik dari Universiti Wisconsin Madison yang memandang kategorisasi dan polarisasi Huntington tidak mewakili ketegangan antara peradaban didunia yang hanya menyoroti kemungkinan ketegangan antara Barat dan Islam. Padahal menurut Emerson di antara manusia Barat di Eropah maupun di Amerika banyak ketegangan yang berlaku di abaikannya. Misalnya konflik yang berterusan antara Katolik dan Protestant di Irlandia Utara, Budaya Belanda dan Perancis di Belgia dan budaya Inggeris dan Perancis di Kanada. (Nasir Tamara & Saiful Anwar Hashem, 1996: xviii )

Tesis Huntington menggambarkan kepada kita bahawa beliau seolah-olah keliru dan tidak memahami perbezaan peradaban yang sepatutnya mengajar kita untuk saling memahami dan saling memperkaya. Dalam hal ini, Dr. Yusuf Al-Qaradhawi (2001:117) memberi reaksi dan mengakui bahawa tesis Huntington ada yang benar mengenai setiap

peradaban memiliki ciri-ciri khas. Namun yang dilihatnya salah ialah klaim Huntington tentang kebudayaan dan peradaban Barat sahajalah peradaban dunia seluruh. Prof. Osman juga menerangkan bahawa Barat mendakwa peradaban Barat sahaja bersifat unggul dan *universal civilization* yang menyumbang kepada dunia dan kata beliau “ *the problem of the non-West with the West concerns rather that aspect of Western cultural imperialism which seeks to impose, consciously or unconsciously, its particularism in the name of universal culture and civilization*” (Osman Bakar, 2003:11)

Seharusnya perbezaan-perbezaan dan kepelbagaian peradaban antara manusia sebagai satu yang unik dan satu peluang untuk saling kenal mengenali, mempelajari keunikan peradaban lain yang akhir akan melahirkan pengkayaan peradaban. Seperti kata Dato’ Seri Anwar Ibrahim (1996) menerusi bukunya *The Asian Renaissance*, katanya “ *the primary motive of civilizational dialogue must be a global **convivencia**, a harmonious and enriching experience of living together among people of diverse religions and cultures*” (Chandra Muzaffar, 2003: 74)

Hans Koechler pula di dalam artikelnya bertajuk *The Dialogue of Civilizations: Philosophical Basis, Current State and Prospects* (2003), sifat dialog adalah merangkumi kemampuan untuk melihat diri sendiri daripada perspektif individu yang lain, mewujudkan toleransi dan saling memahami, dan saling menerima antara satu sama lain.

Syed Hossein Nasr di dalam artikelnya bertajuk *Civilizational Dialogue and The Islamic World* (2004) ada memberikan penjelasan bahawa dialog peradaban pada masa sekarang dari satu aspek didefinisikan sebagai dialog di antara tamadun-tamadun lama yang melalui proses pemodenan dengan pelbagai tahap yang mempunyai interaksi dengan tamadun Barat yang moden yang masih mengekalkan elemen agama dan elemen kerohanian. Definisi yang diberikan oleh Syed Hossein Nasr ini menjurus kepada dialog yang berlaku di antara tamadun Barat dengan tamadun-tamadun lain.

Dalam ertikata lain dialog peradaban memerlukan satu sikap ingin tahu dan belajar apa yang ada di luar lingkungan kita. Seperti pandangan pemikir sosiologi Indonesia, Kuntowijoyo menyatakan bahawa dialog peradaban dan agama-agama sebenarnya satu konsep baru hubungan antara umat beragama daripada pelbagai peradaban yang bersifat ‘ke luar’ dan tidak asyik dengan diri sendiri sahaja; melihat ke depan dengan bersama-sama menghadapi masa depan kemanusiaan. (Shaharom TM Sulaiman: 2004)

Dengan konsep dialog peradaban dan agama-agama yang dinyatakan oleh Kuntowijoyo, maka aspek penting adalah agama. Secara langsung atau tidak langsung, dialog antara peradaban ini merupakan dialog yang mempunyai prinsip dan elemen agama di dalamnya. Bila sebut istilah peradaban pun membawa konotasi tentang pengisian nilai-nilai agama. Kerana setiap tamadun mempunyai asas yang bersandarkan kepada agama. Misalnya, Tamadun India mempunyai asas dan unsur agama Hindu walaupun terdapat unsur dan pengaruh Islam didalamnya. Jika disebut Tamadun Islam pula, asasnya ialah agama Islam itu sendiri. Begitu juga dengan tamadun lain yang mempunyai asas dan unsur agama. Justeru itu, pastinya terdapat nilai yang serupa walaupun tidak sama, tetapi nilai yang serupa dapat dijadikan sebagai turning point dan titik asas untuk berinteraksi dan berkongsi pandangan dan pendapat. Maka, dalam hal ini toleransi agama dilihat sebagai teras dan aspek penting kepada pelaksanaan dialog peradaban. Toleransi di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) bermaksud sifat toleran. Toleran di dalam Kamus Dewan bermaksud sedia menghormati atau menerima pendapat (pendirian) orang lain yang berbeza daripada pendirian (pendapat) sendiri.

Toleransi antara agama ini merujuk kepada kesediaan menghormati dan menerima pendapat agama-agama lain. Misalnya, perbezaan kebudayaan, adat, ritual agama, makanan dan sebagainya antara setiap agama perlulah diambil kira oleh setiap penganut agama. Dengan ini, penganut agama yang berbeza menghormati pegangan yang diamalkan oleh penganut agama lain. Pembaikan dan peningkatan toleran antara masyarakat dunia akan menjadi lebih terserlah dengan memahami keadaan dan kenyataan sesuatu budaya masyarakat. Dalam satu ucap utama di Seminar antarabangsa bertajuk *Islam and Tolerance*, Dr. Mahathir Mohamed telah menyarankan pandangan beliau agar perlu usaha untuk mengurangkan atau mengendurkan ketegangan perbezaan sesama Islam terlebih bagi mengelakan salah faham dikalangan bukan Islam dan mempamerkan sikap tolerance kepada bukan Islam. Sebaliknya pihak bukan Islam seharusnya cuba memahami realiti yang dihadapi oleh umat Islam dan tidak memberi satu persepsin berat sebelah. (Mahathir Mohamed, 1994: 26)

Bagi merealisasikan dan praktik dialog, maka Leonard Swidler (1986) telah menggariskan sepuluh panduan asas yang perlu dimiliki bagi melaksanakan dialog antara

agama yang juga mempunyai kaitan dengan dialog antara peradaban. (Shaharom TM,2004: 26) Asas-asas panduan tersebut adalah seperti berikut:

1. Tujuan dialog: Tujuan utama dialog ialah untuk belajar. Dalam proses dialog akan dapat merobah dan meningkatkan persepsi serta pemahaman mengenai sesuatu kenyataan.
2. Dialog antara agama sewajarnya mempunyai dua sasaran atau dimensi. Pertama, dialog di dalam kumpulan atau komunitinya sendiri dan kedua dialog dengan kumpulan atau komuniti lain.
3. Semua peserta yang terlibat dengan dialog harus mempunyai kejujuran, ketulusan dan ikhlas.
4. Dalam dialog para peserta tidak membandingkan pemikiran ideal agama dengan kenyataan agama rakan dialog yang lain. Tetapi kita mesti membandingkan pemikiran ideal agama juga dengan pemikiran ideal agama rakan dialog lain.
5. Setiap peserta dialog mesti sedar dalam mendefiniskan diri. Hanya orang muslim yang boleh mengartikan apa itu muslim. Suatu agama hanya mampu didefinisikan oleh agama itu sendiri i
6. Para peserta dialog tidak boleh secara keras menolak fakta-fakta yang tidak dipersetujui.
7. Dialog hanya dapat terjadi antara pihak-pihak yang mempunyai posisi yang setara.
8. Dialog dapat dijalankan hanya dengan perasaan saling percaya dan mempercayai serta mengerti.
9. Setiap peserta dialog mesti tidak mengkritik pelbagai perbezaan yang dibawa oleh peserta dialog.
10. Setiap peserta dialog mesti mencuba untuk memahami perbezaan agama dan tamadun dari dalam. Kerana agama dan tamadun bukan semata mata berasaskan akal dan fikirannya tetapi juga bersumber daripada hati.

Pastinya pakaian 10 panduan asas dalam dialog antara agama secara khususnya dan dialog antara peradaban mempunyai perbahasan dari pelbagai dimensi. Jika panduan

ini di arahkan kepada pembentukan Pluralisme Agama mungkin akan membawa banyak interpretasi dan kontroversi dalam kesepakatan dikalangan pencinta agama. Sekiranya antara kenyataan akhir dari dialog antara peradaban atau antara agama-agama membawa kenyataan secara intrinsik bahawa semua agama ini sama iaitu pada zahirnya wajah yang berbeza tapi pada batin mempunyai matlamat, citra dan Tuhan yang sama akan banyak mengundang perdebatan.

Mengenai penglibatan orang Islam dalam dialog, Prof. Al-Faruqi ( 1992: 10) cuba memberikan pandangan beliau bahawa dialog ” *is education at its widest and noblest..removal of all barriers between men for a free intercourse of ideas...to recognize the truth... the end of dialogue is conversion, not conversion to my, your, or his religion, culture, more, or political regime but to the truth*”.

Badan dunia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu juga menjelaskan beberapa faktor-faktor yang boleh dibangunkan dan dimanfaatkan menerusi dialog peradaban seperti yang dilaporkan oleh badan itu (Laporan UN, 2001: 1-2):

1. Pengetahuan

Dialog dapat menggalakkan menimba ilmu pengetahuan. Dapat membantu dalam usaha saling memahami mengenai nilai-nilai, norma-norma, pengalaman sejarah dan budaya sesuatu peradaban bangsa. Dengan mengetahui sesuatu peradaban maka menambahkan dan memperkayakan budaya sesuatu masyarakatn sekaligus menghindarkan mengurangkan prejudis dan ancaman sesama manusia.

2. Toleran

Sedia menerima pendapat dan pemikiran orang lain memungkinkan hasrat mencapai matlamat dialog adalah tinggi.

3. Penyertaan

Dialog peradaban seharusnya terbuka kepada semua orang dan mesti ada usaha untuk melaksanakannya di peringkat global dalam sistem nilai yang spesifik.

4. Kesiediaan untuk berubah

Kejayaan dialog antara peradaban akan hanya mencapai matlamatnya jika sikap ingin melihat perubahan dengan saringan dan akomodasi pandangan orang dengan bersungguh-sungguh.

5. Semua pihak pada semua peringkat masyarakat global harus menyertai dialog dalam segenap bidang seperti politik, pendidikan, budaya, sains, media dan sebagainya.

## 2.5 Dialog Peradaban Dari Perspektif Islam

Islam adalah Ad din (agama), agama Allah SWT yang di bawa oleh dibawa dan disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW kepada seluruh umat manusia demi kerahmatan sekalian alam. Perkataan Ad din membawa pengertian dan konotasi yang luas, yang juga berkait rapat dengan konsep tamadun dan peradaban. Sebab itu dalam Islam, agama (ad din) merupakan saripati dan ruh kepada budaya dan tamadun. Manakala perkataan Islam adalah perkataan Arab dari akar kata *SLM* yang membawa pengertian aman atau selamat. Pengertian dan konotasi Islam ini mendokong, mengalakan, mempertahankan keamanan da kesejahteraan manusia secara individu, masyarakat dan dunia. Perkataan Islam dari segi kata nama memberi pengertian tunduk, patuh dan menyerah kepada Allah SWT secara total. Islam sebagai agama membawa identiti, ciri-ciri dan elemen-elemen secara tersendiri. (Kamar Oniah, 2003:10)

Islam sebagai agama yang sawarjagat, mendokong aspirasi dialog. Islam sejak awal lagi memberikan fokus pada pendekatan dialog sebagai satu kaedah efektif. Dalam al-Quran terdapat banyak penampilan peristiwa dialog-dialog antara Rasul Allah dengan kaum atau masyarakatnya. Prinsip dan syarat dialog dalam konteks Islam adalah berpandukan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Hadith. Tambahan pula amalan berdialog ini dapat menyusuri dalam sirah Nabi Muhammad SAW yang memperlihatkan pendekatan dialog merupakan satu pendekatan untuk mendekati dan memberi pemahaman tentang sesuatu mesej atau dakwah. ( Sididiq Fadi,2003: 53)

### 2.5.1 Pengertian dan Konsep Dialog dalam Islam

Dialog dalam bahasa Arab ialah *hiwar*. Dari segi etimologi, kata dasar *hiwar* merujuk kepada penekanan konsep asas di dalam tamadun serta budaya Islam. Di dalam Lisanul Arab (Ibn Manzur, 1988: 751), *Al-Hiwwar* atau dialog bermakna kembali, “mereka berdialog” bermakna mereka mengambil dan memberi di dalam perbualan. *At-Tahawwur* pula adalah perbuatan mengambil bahagian dalam dialog menunjukkan kepada sambutan atau kemampuan untuk menjawab, *Al-Haur* pula adalah melangkah keluar dari sesuatu atau kembali kepadanya. *Al-Muhawara* merujuk kepada logik dan retorik dalam dialog.

Menurut Dr. Abdulaziz Osman Altwaijri (1997: 10), perkara ini dibuktikan melalui bahasa dan warisan kita, iaitu al-Quran. Dialog dalam bahasanya mempunyai maksud-maksud pada tahap yang tinggi dan sebaik-baik sebagai batu asas kepada tamadun Islam. yang memberikannya maksud yang mendalam yang mana telah dijelaskan dengan baik sekali dalam negara Islam. Dalam Surah al-Kahfi ayat 34 dan 37 dimana kata kerja mengambil bahagian dalam dialog telah diulang sebanyak dua kali.

Firman Allah dalam surah al-Kahfi: ayat 34

وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَنَا أَكْثَرُ مِمَّا مَلَآءَ وَأَعَزُّ نَفَرًا ﴿٣٤﴾

bermaksud : “Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah ia kepada rakannya, semasa ia berbincang dengannya: "Aku lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh Dengan pengikut-pengikutku Yang ramai".

Dan surah al-Kahfi ayat 37;

قَالَ لَهُ صَاحِبُهُ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَكَفَرْتَ بِالَّذِي خَلَقَكَ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ

نُطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّكَ رَجُلًا ﴿٣٧﴾

bermaksud; “Berkatalah rakannya kepadanya, semasa ia berbincang dengannya: "Patutkah Engkau kufur ingkar kepada Allah Yang menciptakan Engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian ia membentukmu Dengan sempurna sebagai seorang lelaki?”

Istilah dialog disini membawa maksud berbincang dengan mengemukakan persoalan yang menyingkap kebekuan minda untuk berfikir bukannya nada cerca atau paksa, walaupun pernyataan yang datang bertentangan dengannya.

Tambahan menurut pandangan Dr. Abdulaziz Othman Altwaijri (1997:10-11) bahawa terdapat 3 peraturan asas dalam prinsip berdialog dalam Islam iaitu:

1. Percaya kepada Allah S.W.T, Rasul-rasul-Nya, Kitab-kitab-Nya di samping takut kepada Allah S.W.T, merendahkan diri, menyakini bahawa Allah S.W.T menganugerahkan kemenangan kepada orang-orang yang beriman, bersikap benar dan bersabar. Sebagaimana Allah swt telah firmankan dalam Alquran surah Al-munafiqun ayat 8;

يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنَهَا الْأَذَلَّ ۗ وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ

وَلِرَسُولِهِ ۚ وَلِلْمُؤْمِنِينَ ۗ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

bermaksud; “Mereka berkata lagi: " Demi sesungguhnya! jika kita kembali ke Madinah (dari medan perang), sudah tentu orang-orang Yang mulia lagi kuat (pihak kita) akan mengusir keluar dari Madinah orang-orang Yang hina lagi lemah (pihak Islam)". padahal bagi Allah jualah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi RasulNya serta bagi orang-orang Yang beriman; akan tetapi golongan Yang munafik itu tidak mengetahui (hakikat Yang sebenarnya).”

Begitu juga dalam surat ali Imran ayat 139;

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

bermaksud: “Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa Yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang Yang tertinggi (mengatasi musuh Dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang Yang (sungguh-sungguh) beriman.”

Dalam isu berdialog perasaan bangga sebagai orang Islam untuk bersama mempertahankan kebenaran tanpa rasa hina atau rasa angkuh adalah perlu. Keadaan ini adalah lambang kebebasan dan eksistensi penghargaan serta berasa kuat, bijak dan bebas bertukar pandangan tanpa rasa malu, untuk agama dan dirinya.

2. Menghayati Islam dengan menerap nilai-nilai Islam dan contoh yang terbaik daripada Rasulullah S.A.W. dengan mengikuti sunnah Nabi. Memahami cara Nabi berdialog dan berbincang dengan mengakui bahawa pada dasarnya manusia berasal dari asal yang satu (Umatan Wahidah). Sebagaimana maksud hadith Nabi S.A.W.

“kamu semua adalah berasal dari nabi Adam, dan Adam diciptakan dari tanah.”  
 Dalam al-Quran Allah S.W.T telah berfirman dalam surah Al Hujarat ayat 13;

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَنُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

bermaksud; “ Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”

Selanjutnya mempunyai niat yang baik dalam berdialog. Dalam berdialog menyampaikan mesej kebenaran harus dengan kebijaksanaan mesti berserta niat ikhlas dan berdialog dengan hujah-hujah menyakinkan dan baik. Bertepatan dengan ayat al-Quran Surah an-Nahl: 16: 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّ لَّهُم بِآيَاتِي هِيَ أَحْسَنُ<sup>ط</sup>

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ<sup>ط</sup> وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

bermaksud: “Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk”.

Begitu juga dalam surah al-Ankabut ayat 46;

﴿ وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ<sup>ط</sup> ﴾

وَقُولُوا ءَامَنَّا بِالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْنَا وَأُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ وَاحِدٌ

وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿٤٦﴾

bermaksud: “ Dan janganlah kamu berbahas Dengan ahli Kitab melainkan Dengan cara Yang lebih baik, kecuali orang-orang Yang berlaku zalim di antara mereka; dan Katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (Al-Quran) Yang diturunkan kepada Kami dan kepada (Taurat dan Injil) Yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah satu; dan kepadaNya, Kami patuh Dengan berserah diri.”

3. Mencari nilai-nilai kebenaran, meletakkan tujuan atau matlamat dialog adalah untuk kemaslahatan awam atau kepentingan umum berlandaskan hukum agama dan kemanusiaan sejagat. Dialog yang membina seharusnya dicirikan dengan kesepaduan ilmu pengetahuan, pemahaman baik, perspektif yang positif, prihatin, kematangan dalam berfikir, pendengar yang baik dan sikap yang sederhana. Kebijaksanaan dalam berdialog harus disertai dengan daya fikir dan minda yang sihat, sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah Al-Baqarah ayat 269:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ

وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٦٩﴾

bermaksud: “Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu Yang berguna) kepada sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut aturan Yang ditentukanNya). dan sesiapa Yang diberikan hikmat itu maka Sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan Yang banyak. dan tiadalah Yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang Yang menggunakan akal fikirannya.”

Dr. Siddiq Fadil (2003: 53-56) dalam bukunya Perspektif Qur’ani: Siri Wacaana Tematik telah menjelaskan tentang dialog sebagai pendekatan dakwah Qur’ani. Beliau membawa satu perspektif dengan menyatakan bahawa Al-Quran menggunakan istilah *jidal* bagi dialog dalam dua pengertian, positif dan negatif. Istilah *Jidal* dalam bentuk negatif ialah perbuatan sengaja mempertikai kebenaran dengan alasan-alasan yang diadakan seperti dilakukan oleh orang-orang kafir, seperti dalam *surah al-Anfal: 6*, *surah al-Hajj: 8*. Manakala dalam konteks yang positif dalam erti *al-Hiwar al-Hadi* atau dialog yang tenang adalah untuk mencari dan membuktikan kebenaran seperti termaktub dalam *surah al-Mujadalah:1*. Menurut beliau lagi, pengertian yang positif dan sihat yang dianjurkan oleh Al-Quran seperti yang terkandung dalam *surah al-Ankabut: 48* dan *surah al-Nahl:125*. Istilah *Jidal* digunakan dalam *surah al-Nahl: 125*, bahawa *jidal* yang terikat dengan *cara yang lebih baik* itu dapat difahami sebagai dialog yang tidak mengadungi

penghinaan, celaan, atau unsur-unsur lain yang boleh menimbulkan prasangka buruk terhadap da'i (penyampai mesej Islam). Tambah beliau lagi, bahawa Dialog yang sihat dapat memberikan kesan kerana dialog matlamatnya bukan untuk menang, tetapi untuk menyakinkan tentang kebenaran dan sememangnya manusia sukar mengubah fikiran dan pendirian jika mereka berasa direndahkan atau dikalahkan. Kerelaan mengubah pandangan hanya mungkin berlaku apabila dapat diyakinkan tanpa berasa kehilangan harga diri.

Oleh itu, individu atau peserta dialog dalam konteks Islam seharusnya mempunyai pegangan iman yang teguh, moral yang tinggi, pengalaman yang luas, perhatian terhadap isu-isu yang dibincangkan, fikiran yang tajam dan bidang pengkhususan yang tertentu. Selain itu, satu perkara penting sikap dan semangat kesederhanaan serta toleran dalam dialog amat penting dalam memelihara keharmonian persekitaran. Satu lagi aspek penting yang diberikan penekanan dalam beriteraksi dan berdialog ialah toleran. Perbezaan-perbezaan antara manusia bukan satu isu yang menyebabkan berlaku pengeseran dan pergaduhan. Sikap tegas dan sikap terbuka serta toleran Al-Quran tergambar dalam surah Al- Baqarah ayat 256;

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ

أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

bermaksud: “Tidak ada paksaan Dalam ugama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali utama) yang teguh yang tidak akan putus. dan (ingatlah), Allah Maha mendengar, lagi Maha mengetahui.”

Islam menerima hakikat kepelbagaian agama dikalangan manusia dan tidak memaksa menerima Islam. Komentor dari Dr. Syed Othman Al-Habshi dan Dr. Faisal Othman (1994: 51) menjelaskan sebab mengapa paksa tidak selari dalam Islam;

1. Islam bergantung kepada kepercayaan benar dan kehendak, dan tidak bermakna sekiranya dipaksa;
2. Benar dan sesat atau salah adalah jelas dengan kemurahan Tuhan bahawa tiada keraguan bagi sesiapaupun terhadap kepercayaan yang asasi; dan
3. Allah lindungi kesinambungannya dan perancangannya yang senantiasa membawa kita keluar dari kegelapan kepada cahaya.

Dalam konteks perbahasan tentang peradaban manakah mengasaskan tapak yang kukuh dan mempunyai spektrum yang sarwajagat serta bertanggungjawab membina hubungan jambatan interaksi antara peradaban didunia dalam sejarah sehingga kini. Menurut Prof. Osman Bakar (1997:8) dalam bukunya *Islam and Civilizational Dialogue: The Quest for A Truly Universal Civilization* membincangkan faham *Umatan Wasatan* (umat pilihan lagi adil) yang merupakan konsep utama dalam memahami sifat semulajadi peradaban dan identiti Islam. Kesedaran peradaban dalam Islam adalah berakar umbi daripada tema-tema Qurani seperti asal-usul manusia yang sama, kemanusiaan yang sama, ciri-ciri kebaikan manusia yang sawarjagat, kemurahan Tuhan yang universal terhadap manusia, hikmah kemajmukan etnik dan budaya, kerjasama antara budaya dalam usaha kebaikan manusia sejagat, keadilan sosial global, tanggungjawab bersama melindungi bumi. Pemikiran sebegini bukanlah satu baru tetapi sudah 15 abad yang lalu ketika itu wahyu baru sebahagian turun di Mekah dan komuniti dan negara belum didirikan, Al-Quran telah menggambarkan pegangan baru dan pengikut agama Islam sebagai *Umatan Wasatan* (umat pilihan lagi adil), sebagaimana termaktub dalam surah Al-Baqarah ayat 143;

وَكذَٰلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا<sup>٥</sup>

bermaksud: “Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada

umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.”

Menurut Prof. Osman Bakar dalam bukunya juga menolak tesis Huntington bahawa ide peradaban sejagat (universal civilization) adalah idea Barat adalah tidak benar dan tidak disokong oleh sejarah. Ya, memang Barat telah kembangkan ide tersebut begitu juga dengan Islam. Terbukti dalam sejarah bahawa Islam yang pertama sekali telah membangun secara komprehensif peradaban sejagat (universal civilization).

### 2.5.2 Matlamat dan Tujuan Dialog Peradaban

Dialog peradaban dalam konteks yang luas adalah bertujuan untuk membincangkan antara dua atau lebih pihak bagi mencari jalan penyelesaian yang kreatif dan baru di dalam menangani kemelut dan masalah yang dihadapi oleh umat manusia. Dalam konteks Islam, kejadian manusia yang berbagai perbezaan dari segi geografi, demografi, biologi dan budaya adalah satu anugerah Allah S.W.T supaya manusia kenal mengenali antara satu sama yang lain. sekarang. Al-Quran menjelaskan tujuan penciptaan manusia dari berbagai etnik, kaum, bangsa sebagaimana termaktub dalam surah Al-Hujurat ayat 13:

يَتَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَمُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

bermaksud: “Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan (Adam dan Hawa) dan Kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra di antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.”

Menurut Osman Bakar (1997: 1), penegasan ayat Al-Quran di atas adalah tujuan utama dialog peradaban iaitu untuk membawa komuniti-komuniti dari berbagai latar belakang bersama untuk berinteraksi dan mengenali antara mereka untuk mencari kebaikan bersama kerana dipaksa oleh keadaan untuk hidup bersama walaupun mempunyai kepercayaan agama, cara kehidupan beragama dan ideologi politik yang berbeza. Yusuf Al-Qaradhawi (2001:121-124) berpendapat bahawa sememang Allah menjadikan dan mencipta langit, bumi, berlainan bahasa dan warna kulit seperti yang di sebut dalam surah Ar-Rum ayat 22, adalah anugerah Allah, begitu juga Allah mencipta manusia berjenis-jenis dan berlainan antara satu dengan yang lain seperti dalam surah Hud ayat 118-119, sebagai satu ketentuan Allah. Jadi dengan variasi perbezaan dikalangan manusia adalah untuk manusia berinteraksi, bergaul dan bekerjasama atas prinsip kebajikan dan taqwa. Beliau menyeru membuka dialog agar saling memahami dialog yang bertujuan mendekatkan dan bersefahaman di antara manusia tetapi tidak menggugurkan kewajiban menyeru kepada aqidah dan risalah Islam.

Konsep kenal mengenali ( ) yang dianjurkan oleh Islam adalah melalui interaksi dan komunikasi antara dua pihak atau lebih. Salah satu natijah penting dari aplikasi konsep *ta'aruf* (kenal mengenali) akan membawa secara signifikan pada dialog ialah *ta'awun* (kerjasama atau tolong-menolong). Kerjasama antara manusia boleh berlansung dalam pelbagai aspek dan isu. Isu-isu semasa seperti kemiskinan, kesihatan, kepadatan populasi, ekologi, masalah sosial dapat digembeleng bersama dalam membangunkan sesebuah masyarakat.

Selain itu, matlamat dan tujuan dialog adalah untuk mewujudkan saling memahami tentang nilai-nilai, norma, pengalaman sejarah dan realiti budaya yang wujud. Dialog peradaban juga berpotensi besar untuk menghindarkan konflik dalam komuniti peringkat antarabangsa, kjangsaan dan tempatan melalui persefahaman, saling percaya mempercayai dan meletakkan asas kukuh ke arah langkah penyelesaian yang di persetujui bersama (Laporan Persidangan Antarabangsa Dialog Peradaban, 2001:1-2)).

Laporan Persidangan Antarabangsa Dialog Peradaban (2001: 2-3) juga telah menggariskan beberapa ciri dialog peradaban antaranya:

1. saling memahami terhadap nilai, norma, pengalaman sejarah dan realiti kebudayaan yang wujud.
2. sikap toleran terhadap pemikiran peradaban yang lain. Ini merujuk terhadap aktiviti sedia mendengar dari peradaban orang lain.
3. sikap lapa dada dan keterbukaan terhadap pandangan semesta orang lain dengan akomodasi dalam perspektif diri.

Dengan itu, dialog peradaban dapat menghalang daripada terjadinya konflik di peringkat antarabangsa, nasional dan peringkat tempatan melalui pengurangan kesalahfahaman dan ketidakpercayaan. Ia juga mempunyai potensi yang sangat besar untuk menyelesaikan ekonomi semasa dan masa depan, sosial dan masalah-masalah politik melalui perkongsian pengalaman seterusnya dapat mencari penawar kepada pelaksanaannya (Laporan Persidangan Antarabangsa Dialog Peradaban, 2001)

Dr. Abdulaziz Othman Altwaijri (1997:14) menggariskan beberapa objektif dialog iaitu:

1. Saling menghormati.  
Saling menghormati dalam perspektif merupakan wadah asas dalam dialog sebagaimana pernyataan Al-Quran dalam Surah al-An'am: ayat 108: yang bermaksud : "Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan.",
2. Persamaan dan keadilan.  
Dalam perspektif Islam, persamaan dan keadilan adalah tapak asas memungkinan berlakunya perbincangan antara dua atau lebih pihak demi mencapai persetujuan bersama. Tiada pihak yang direndahkan atau diremehkan dan mendapat perhatian secara saksama dan adil di semua tahap dan peringkat, dan
3. Tolak sikap fanatik dan perkauman.

Minda yang terbuka dan luas dan mengamalkan sifat sederhana dalam semua perkara dapat menjamin penolakan terhadap sikap fanatik dan perkauman.

Berdasarkan pandangan-pandangan yang diutarakan di atas, dapat kita simpulkan bahawa dialog peradaban adalah amat perlu dalam konteks masyarakat majmuk atau pelbagai tamadun. Fahaman dikalangan peserta dialog dan mereka yang serius dalam dialog perlu mendalami konsep, tujuan, kaedah berdialog dan prasarana dialog. Pasti peserta dialog atau pencinta dialog perlu ada persediaan emosi, minda dan rohani bagi memastikan kejayaan dialog dan natijah yang manfaat bersama. Maka dari persediaan dan persiapan diharapkan agar dialog peradaban menjadi sebagai satu waduk untuk menerapkan nilai-nilai persefahaman dan interaksi antara peradaban. Seterusnya menghasilkan kerjasama antara satu sama lain.

## **2.6 Dialog peradaban di Malaysia**

Usaha-usaha dialog di Malaysia mulai di rasakan dengan adanya institusi tertentu. Malah usaha-usaha mempromosi dialog peradaban dilakukan oleh beberapa ahli-ahli akademik dan juga sokongan kuat daripada pihak kerajaan. Institusi yang berperanan penting ialah Pusat Dialog Peradaban yang ditubuhkan di Universiti Malaya pada tahun 1996. Ada beberapa faktor yang memungkinkan kewujudan institusi ini, Antara faktor-faktor mendorong ke arah terbentuknya Pusat tersebut ialah antaranya sifat kelbagaian budaya yang berpotensi kepada perbezaan hubungan dan tekanan antara budaya. Factor yang lain ialah adanya isu semasa seperti kebangkitan nilai-nilai dan Budaya Asia ke atas barat, arus globalisasi, keperluan keatas dialog bagi perdamaian. Faktor-faktor kemanusiaan yang juga berperanan dalam pembentukan pusat dialog peradaban ini ialah ketidakfahaman antara etnik, adanya peningkatan jurang pemisah diantara yang kaya dan yang miskin, tidak terdedahnya masyarakat keatas kemajuan teknologi dan sains. Adanya krisis lingkungan, kerusakan nilai dalam rumah tangga dll. Beberapa peristiwa yang telah dijalankan yang melibatkan program-program diperingkat antarabangsa dan kebangsaan. Isu-isu dialog yang dibicara merangkumi bidang yang luas. ([http: www.um.edu.my](http://www.um.edu.my))

## 2.7. Kajian Lepas

Terdapat juga beberapa kajian ilmiah berkaitan dengan tajuk yang dikaji, antaranya ialah kajian Rusimah Sayuti, Salma Ishak dan Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah (2004:), mengenai hubungan kaum di kalangan pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia. Dapatan hasil daripada kajian tersebut didapati bahawa suasana interaksi dikalangan pelajar dalam kampus menunjukkan kecenderungan kepada keadaan yang positif berdasarkan peratus situasi yang lebih positif sebanyak 57% berbanding situasi yang negatif iaitu sebanyak 43%.

Dalam kajian tersebut juga telah memperincikan beberapa masalah antaranya ialah masalah polarisasi kaum atau bangsa di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Tahap interaksi adalah rendah walaupun terdapat banyak peluang untuk berinteraksi sesama kaum atau bangsa di kampus. Kecenderungan untuk memilih sahabat dari bangsa yang sama, kurang perbincangan secara serius dan terbuka terhadap isu politik, ekonomi dan sosial di antara masalah yang berlaku dalam kampus. Terdapat juga sikap prasangka dan stereotaip yang kuat serta mempercayai bahawa kebudayaan etniknya lebih baik dan unggul daripada kebudayaan orang lain.

Di samping itu, dalam kajian Abdullah Taib (1984) melihat kadar interaksi di kalangan pelajar pelbagai kaum di tiga buah Universiti. Kajian tersebut mendapati darjah interaksi adalah tinggi hanya wujud sesama etnik jika dibandingkan dengan kadar interaksi antara etnik. Interaksi sesama etnik banyak didorong faktor pembelajaran seperti berbincang mengenai pelajaran atau menyiapkan tugas.

Kajian-kajian yang mengukur tahap dialog peradaban dalam konteks melampaui batas etnik dan bangsa belum ada setakat pengetahuan dan carian ringkas kami. Namun begitu berdasarkan kajian-kajian tadi jelas bahawa walaupun ada masalah polarisasi dan hubungan antara kaum, tapi dapat diperbaiki dari masa ke masa. Keadaan ini dapat diperbaiki dengan menjalankan konsep dan tatacara dialog peradaban dalam masyarakat terutama dimulakan dalam masyarakat pelajar.

## **2.8. Kesimpulan**

Dialog peradaban berperanan penting di dunia ke arah mengujudkan masyarakat yang aman dan harmonis, hidup damai dalam kepelbagaian ragam tapi masih dapat memelihara prinsip dan nilai peradaban masing-masing. Bagi memastikan kehidupan ini terus mengecapi keamanan dan keharmonian maka nilai-nilai persefahaman, toleransi, hormat- menghormati dan kerjasama antara satu sama lain harus nterus dipupuk oleh semua peringkat lapisan masyarakat dan organisasi.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan dan membincangkan mengenai perkara yang berkaitan dengan kaedah dan cara penyelidikan dijalankan. Berdasarkan tajuk dan objektif kajian, terdapat pelbagai kaedah atau cara yang dikenalpasti boleh digunakan untuk menjalankan sesuatu kajian. Oleh itu, beberapa aspek perancangan yang teliti diperlukan dalam melicinkan proses perolehan data, validiti instrumen, menganalisis dan menilai data kajian. Dalam bab ini, kami akan menghuraikan perkara-perkara yang berhubung dengan rekabentuk kajian, tempat kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian yang digunakan, prosidur penyelidikan, penganalisan data dan kajian rintis.

#### **3.2 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini adalah kajian deskriptif. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian tinjauan. Dengan menggunakan instrumen kajian iaitu soal selidik, semua perolehan data akan di analisis dan terangkan secara deskriptif. Semua dapatan akan diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditetapkan dan ditafsirkan secara kuantitatif. Penganalisan data kajian akan meliputi perkara seperti latar belakang responden, budaya interaksi, nilai kejujuran dan prihatin serta sikap toleran. Kajian ini juga akan meumpukan kepada kaedah penentuan populasi, sampel, instrumen, prosidur kajian, kajian rintis dan analisis data.

### **3.3 Tempat Kajian**

Kajian ini dijalankan oleh penyelidik adalah di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Tempat ini dipilih memandangkan kajian yang dijalankan berbentuk lokaliti dan melibatkan pelajar-pelajar tahun 3 sesi pengajian 2002/2003 semester 2 dari berbagai fakulti dengan latarbelakang berbagai bangsa, agama dan budaya.

Rasional pemilihan pelajar tahun 3 UTM, adalah kerana lokasi kajian yang berdekatan dengan penyelidik dan memudahkan penyelidik mengedar dan mengutip kembali set soal selidik yang diedarkan serta mengurangkan kos perhubungan dengan responden kajian.

### **3.4 Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini adalah pelajar-pelajar tahun 3 dari berbagai fakulti di Universiti Teknologi Malaysia yang berjumlah 1, 537 orang. Oleh kerana populasi yang besar, maka pengumpulan data melalui kaedah sampel rawak mudah. Persampelan rawak mudah ini memberi peluang kepada setiap orang untuk dipilih menjawab soal selidik. Menurut pendapat Mohd Najib Abdul Ghafar (2003: 38), setidak-tidak 30 % daripada populasi itu sudah dianggap mencukupi bagi saiz sampel. Maka, seramai 467 pelajar tahun 3 UTM menjadi sampel kajian yang digunakan oleh penyelidik.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, dua jenis data diperlukan dalam proses menyempurkan kajian ini iaitu data primer dan data sekunder.

#### **3.5.1 Pengumpulan Data Primer**

##### **3.5.1.1 Soal Selidik**

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik yang dibina adalah soal selidik yang dibina berdasarkan teori dan pendapat pakar dalam bidang Dialog Peradaban. Penyelidik akan membina item-item soalan soal selidik dalam bentuk perilaku praktikal. Penggunaan soal selidik lebih praktikal dan berkesan untuk populasi yang besar. Pengkaji menggunakan soal selidik dalam kajian ini adalah kerana:

- i. Penyelidik berpendapat bahawa dengan menggunakan soal selidik, data yang diterima adalah tepat dan responden dapat memberi maklum balas dengan yakin.
- ii. Dengan menggunakan kaedah ini, ia menjimatkan kos serta masa. Dengan menggunakan soal selidik ini juga ia dapat menghasilkan item-item yang boleh dipercayai.

Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, dan B. Bahagian A merupakan maklumat latar belakang responden manakala Bahagian B pula mengandungi

empat aspek kajian iaitu budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, nilai prihatin dan sikap toleran dengan menggunakan Skala seperti berikut:-

**Jadual 3.1. : Skala 4 Peringkat**

	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
Skor	1	2	3	4

Menurut pendapat Mohd Najib Abdul Ghafar (2003: 138) bahawa kadangkala kita tidak menggunakan skil tanda kecuali atau tidak pasti yang dilambangkan dengan angka 3 bagi memaksa responden memberikan pendapat setuju atau tidak setuju. Oleh itu, pengkaji menggunakan skala 4 peringkat sahaja supaya proses pengukuran terhadap budaya, pengamalan nilai dan sikap yang lebih tepat akan terhasil.

Begitu juga dengan pandangan Jawariah Zaabar (2004: 41) menyatakan bahawa beliau menggunakan Skala 4 peringkat di dalam kajiannya kerana tidak mahu mewujudkan responden yang berada di tengah-tengah skala iaitu tidak pasti

## **Bahagian A**

Bahagian ini mengandungi tujuh item untuk mendapatkan data mengenai latar belakang diri responden yang terdiri daripada jantina, bangsa, agama, bidang pengajian, fakulti, tahun pengajiandan kelulusan terdahulu sebelum memasuki UTM.

## Bahagian B

Bahagian ini berkaitan dengan empat aspek kajian iaitu budaya interaksi, nilai kejujuran, nilai prihatin dan sikap toleran dikalangan pelajar dalam kehidupan kampus. Dalam aspek budaya interaksi dan dialog terdapat 12 item, aspek nilai kejujuran ada 6 item, nilai prihatin atau tanggungjawab pula 4 item manakala sikap toleran pula ada 5 item.

Dalam konteks menentukan tahap, maka penyelidik bersetuju dengan pendapat Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003: 144), dimana menurut beliau kadangkala pengkaji menggunakan pelbagai pengiraan sendiri menggunakan teori dan formula sendiri yang menghasilkan satu indeks tersendiri merujuk kepada objektif kajian. Oleh itu, penyelidik telah mengkategorikan maklum balas 4 skala kepada 3 skala. Ia bertujuan mengelaskan setiap item kepada tahap-tahap tertentu berdasarkan jadual dibawah:-

**Jadual 3.2:** Skala Tahap

<b>Markat</b>	<b>Tahap</b>
3.01 - 4.00	Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana
1.00 – 2.00	Rendah

Berdasarkan jadual 3.2, skala tahap dikelaskan kepada tiga tahap. Kategori pertama mengelaskan tahap tinggi dengan markat di antara 3.01 hingga 4.00. Manakala kategori kedua mengelaskan tahap sederhana dengan markat 2.01 – 3.00. Kategori ketiga pula mengelaskan tahap rendah dengan narkat di antara 1.00 – 2.00.

### 3.5.2 Pengumpulan Data Sekunder

Bagi mendapatkan maklumat tertentu, data-data sekunder yang sesuai diperlukan untuk menyokong huraian tersebut yang diperolehi melalui buku-buku, laporan kajian,

laporan persidangan, penyelidikan bertulis, jurnal, artikel majalah, surat khabar serta artikel dan laporan dari internet.

### **3.6. Analisis Data**

Semua data mentah yang diperolehi daripada sampel yang terlibat dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) 10 for Windows*. Data adalah dalam bentuk kuantitatif dan dipaparkan dalam jadual kekerapan, peratusan dan min. Di samping analisis inferensi juga akan dijalankan bagi membuat kesimpulan berdasarkan *Ujian Mann-Whitney U* dan *Ujian Kruskal-Wallis* secara perbandingan bagi setiap dimensi peradaban untuk signifikan atau sebaliknya dimensi peradaban. Keputusan kajian dibincangkan berdasarkan objektif kajian.

### **3.7. Tatacara Kajian**

Antara tatacara kajian ini ialah:

- i. Kajian ini bermula pada semester kedua sesi 2002/2003. Perbincangan telah dibuat dengan rakan penyelidik bagi mendapatkan tajuk yang sesuai dan wajar untuk dikaji dan menyediakan pelan perancangan projek.
- ii. Seterusnya, setelah mendapat persetujuan daripada rakan, pencarian dan pengumpulan maklumat tentang kajian literatur dimulakan. Setelah itu, dengan perbincangan dan persetujuan rakan mulakan menyediakan cadangan instrumen kajian.
- iii. Kemudian, penyelidik dan rakan-rakan berbincang mengenai item-item soal selidik. Seterusnya, satu kajian rintis telah dilakukan sebelum set soal selidik sebenar diedarkan kepada responden.

- iv. Kemudian pada semester berikutnya, set soalan sebenar mula diedarkan kepada responden melalui pensyarah yang memasuki kelas TITAS tahun 3 sahaja. Setelah mengutip kembali set soal selidik, data mentah yang diperolehi daripada sampel yang terlibat dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) 10 for Windows*. Data dibnetangkan dalam bentuk kuantitatif dan dipaparkan dalam jadual kekerapan, peratusan dan min. Di samping analisis inferensi juga akan dijalankan bagi membuat kesimpulan berdasarkan *Ujian Mann-Whitney U* dan *Ujian Kruskal-Wallis* secara perbandingan bagi setiap dimensi peradaban untuk signifikan atau sebaliknya dimensi peradaban. Keputusan kajian pula akan dibincangkan berdasarkan objektif kajian.
- v. Seterusnya, data-data tersebut dibincangkan dan satu kesimpulan dibuat.
- vi. Dapatan kajian akhirnya dikongsi bersama JKPP melalui pembentangan kolokium Jabatan.
- vii. Kemudian menyiapkan dan menyediakan laporan akhir penyelidikan yang dijilid dan hantar ke Pusat Pengurusan Penyelidikan.

### **3.8 Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar dilakukan ke atas sampel, penyelidik terlebih dahulu akan membuat kajian rintis. Kajian rintis ini dijalankan di kalangan pelajar-pelajar pelbagai kaum. Seramai 50 sample telah di ambil secara rawak bagi kajian rintis ini. Maka sebanyak 50 set soal selidik telah diedarkan kepada mereka secara rawak bertujuan untuk mengetahui kebolehpercayaan dan kesahan item-item soalan yang dibina oleh

penyelidik. Bilangan ini sudah mencukupi saiz minimum dalam kajian rintis. (Allen & Yen : 1979)

Setelah selesainya proses kajian rintis, pengkaji melakukan analisis terhadap data untuk mengetahui nilai *alpha* (kebolehpercayaan) item yang dibina. Nilai *alpha* yang diperolehi ialah  $\alpha = .7749$ . Ini bermakna nilai kebolehpercayaan bagi instrumen adalah tinggi dan sesuai untuk digunakan bagi kajian ini. Walau bagaimanapun, pengkaji melakukan beberapa pengubahsuaian terhadap item soal selidik yang ada bagi digunakan dalam kajian sebenar.

### **3.9 Kesimpulan**

Bab III ini telah menghuraikan tentang metodologi kajian yang dijalankan. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar tahun 3 UTM yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan budaya. Alat ukur bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada item-item yang terdapat di dalam soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) 11.5 for Windows* dan dipersembahkan dalam bentuk jadual kekerapan, peratusan dan min. Manakala analisis inferensi menggunakan *Ujian Mann-Whitney U* dan *Ujian Kruskal-Wallis* secara perbandingan bagi setiap dimensi peradaban untuk menunjukkan signifikan atau sebaliknya dimensi peradaban.

## BAB IV

### ANALISIS DATA

#### 4.0. Pengenalan

Bab ini akan membincangkan secara terperinci berkenaan keputusan hasil daripada analisis data berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi melalui borang soal selidik. Data yang diperolehi hasil daripada maklum balas responden dalam borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) 10 for Windows*.

Dapatan kajian ini dikhususkan kepada empat bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Semua data dan keputusan yang diperolehi dipaparkan di dalam bentuk jadual.

Bagi bahagian A, ia membincangkan latar belakang responden iaitu jantina, bangsa, agama, kursus pengajian dan kelulusan terdahulu sebelum memasuki UTM. Bagi bahagian B yang mengandungi 27 item ialah soalan berkenaan dengan aspek budaya interaksi 12 item, aspek nilai kejujuran 6 item, aspek nilai prihatin atau tanggungjawab 4 item dan sikap toleran 5 item.

#### 4.1. Analisis Data Bahagian A

Bahagian A bertujuan untuk memperolehi maklumat mengenai latar belakang responden yang berkaitan dengan persoalan kajian. Bahagian ini terdiri daripada maklumat tentang jantina, bangsa, agama, kursus, tahun pengajian, fakulti dan kelulusan terdahulu sebelum memasuki UTM bagi 467 responden yang terlibat.

##### 4.1.1. Maklumat Jantina Responden

Jadual 4.1.1: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	136	29.1
Perempuan	331	70.9
Jumlah	467	100.0

Jadual 4.1.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Dari jumlah responden seramai 467, bilangan lelaki seramai 136 (29.1%) dan bilangan perempuan seramai 331 (70.9%). Jadi secara perbandingan ratio ialah 1: 3.

##### 4.1.2. Maklumat Bangsa Responden

Jadual 4.1.2: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratus
Melayu	306	65.5
Cina	133	28.5
India	13	2.8
Lain-lain	15	3.2
Jumlah	467	100.0

Jadual 4.1.2 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa. Dari segi taburan bilangan bangsa, Melayu adalah paling ramai iaitu 306 orang (65.5%), bangsa Cina seramai 133orang (28.5%), bangsa India hanya 13 orang (2.8%) manakala bangsa lain-lain 15 orang (3.2%)

#### 4.1.3. Maklumat Agama Responden

Jadual 4.1.3: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Agama

Agama	Bilangan	Peratus
Islam	308	66.0
Buddha	110	23.6
Hindu	11	2.4
Kristian	36	7.7
Lain-lain	2	0.4
Jumlah	467	100.0

N=467

Jadual 4.1.3 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut agama. Dari 467 responden, 308 (66.0%) responden beragama Islam, 110 (23.6%) responden beragama Buddha, 11 (2.4%) responden beragama Hindu, 36 (7.7%) responden beragama Kristian dan 2 (0.4%) responden lain-lain agama.

#### 4.1.4. Maklumat Bidang Pengajian Responden

Jadual 4.1.4: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Bilangan	Peratus
DCK	1	0.2
SAS	1	0.2
SAW	41	8.8
SCK	26	5.6

SEE	2	0.4
SEL	3	0.6
SEM	1	0.2
SET	6	1.3
SGN	47	10.1
SGP	47	10.1
SHP	46	9.9
SHT	55	11.8
SPA	3	0.6
SPE	10	2.1
SPJ	8	1.7
SPM	39	8.4
SPT	1	0.2
SSA	1	0.2
SSB	52	11.1
SSC	43	9.2
SSE	3	0.6
SSM	31	6.6
Jumlah	467	100.0

Jadual 4.1.4 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut bidang pengajian.

#### 4.1.5. Maklumat Fakulti Responden

Jadual 4.1.5: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Fakulti

Fakulti	Bilangan	Peratus
Kejuruteraan Awam	42	9.0
Kejuruteraan Elektrik	12	2.6
Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi	94	20.1
FPPSM	101	21.6
Sains Komputer dan Sistem Maklumat	27	5.8
Sains	128	27.4
Pendidikan	63	13.5
Jumlah	467	100.0

Jadual 4.1.5 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut fakulti. Fakulti Kejuruteraan Awam 42 orang (9.0%), Fakulti Elektrik 12 orang (2.6%), Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi 94 orang (20.1%), Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia 101 orang (21.6%), Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat 27 orang (5.8%), Fakulti Sains 128 orang (27.4%) dan Fakulti Pendidikan 63 orang (13.5%).

#### 4.1.6. Maklumat Tahun Pengajian Responden

Jadual 4.1.6: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Tahun Pengajian

Tahun pengajian	Bilangan	Peratus
Dua	2	0.4
Tiga	421	90.1
Empat	44	9.4
Jumlah	467	100.0

Jadual 4.1.6 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut tahun pengajian. Tahun Dua 2 orang (0.4%), Tahun Tiga 421 orang (90.1%) dan Tahun Empat 44 orang (9.4%).

#### 4.1.7. Maklumat Kelulusan Sebelum Masuk Universiti Responden

Jadual 4.1.7: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Kelulusan Terdahulu Sebelum Memasuki Universiti

Kelulusan terdahulu sebelum masuk universiti	Bilangan	Peratus
SPM	8	1.7
STPM	365	78.2
Sijil	5	1.1
Diploma	89	19.1
Jumlah	467	100.0

Jadual 4.1.7 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kelulusan terdahulu sebelum masuk universiti. Sijil SPM 8 orang (1.7%), Sijil STPM 365 orang (78.2%), Peringkat Sijil 5 orang (1.1%) dan Diploma 89 orang (19.1%).

## 4.2. ANALISIS SETIAP ITEM

### 4.2.1 Dimensi Budaya dan Dialog

Jadual 4.2.1. Item 1

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
1	Saya boleh berjabat tangan dengan pelbagai kaum	51 10.9%	77 16.5%	179 38.3%	160 34.3%	2.96

n=467

Jadual 4.2.1. menerangkan jumlah responden seramai 179 bersetuju dan 160 sangat setuju bahawa mereka boleh berjabat tangan dengan pelbagai kaum. Manakala yang lain seramai 51 responden tidak setuju dan 51 sangat tidak setuju. Dan min ialah 2.96

Jadual 4.2.2. Item 2

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
2	Saya boleh makan semeja dengan rakan dari pelbagai kaum	1 0.2%	24 5.1%	224 48.0%	218 46.7%	3.41

n=467

Jadual 4.2.2. menerangkan jumlah responden seramai 224 setuju dan 218 sangat setuju bahawa mereka boleh makan semeja dengan rakan dari pelbagai kaum. 24 responden tidak setuju dan 1 sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.41

Jadual 4.2.3. Item 3

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
3	Saya menziarahi rumah rakan yang berlainan agama semasa sambutan perayaan mereka	13 2.8%	89 19.1%	248 53.1%	117 25.1%	3.00

n=467

Jadual 4.2.3. menerangkan 248 responden setuju dan 117 responden sangat setuju bahawa mereka menziarahi rumah rakan yang berlainan agama semasa sambutan perayaan. 89 responden tidak setuju dan 13 sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.00

Jadual 4.2.4. Item 4

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
4	Saya menghormati cara makan orang lain yang berbeza dari saya	4 0.9%	20 4.3%	326 69.8%	117 25.1%	3.19

n=467

Jadual 4.2.4. menerangkan 326 responden setuju dan 117 responden sangat setuju bahawa mereka menghormati cara makan orang lain yang berbeza darinya. Hanya 20 responden tidak setuju dan 4 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.19

Jadual 4.2.5. Item 5

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
5	Saya menghormati cara berpakaian individu	19 4.1%	74 15.8%	254 54.4%	120 25.7%	3.02

n=467

Jadual 4.2.5. menerangkan 254 responden setuju dan 120 responden sangat setuju bahawa mereka menghormati cara berpakaian individu lain. Terdapat 74 responden tidak setuju dan 19 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.02

Jadual 4.2.6. Item 6

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
6	Saya akan menegur sapa terlebih dahulu bila bertemu rakan pelbagai kaum	7 1.5%	59 12.6%	316 67.7%	85 18.2%	3.03

n=467

Jadual 4.2.6. menerangkan 316 responden setuju dan 85 responden sangat setuju bahawa mereka akan menegur sapa terlebih dahulu bila bertemu rakan pelbagai kaum. Terdapat 59 responden tidak setuju dan 7 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.03

Jadual 4.2.7. Item 7

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
7	Saya selesa makan semeja dengan jantina yang berlainan	63 13.5%	144 30.8%	184 39.4%	76 16.3%	2.58

n=467

Jadual 4.2.7. menerangkan 184 responden setuju dan hanya 76 responden sangat setuju bahawa mereka selesa makan semeja dengan jantina yang berlainan. Manakala 144 responden tidak setuju dan 63 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 2.58

Jadual 4.2.8. Item 8

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
8	Saya sedia untuk bersalaman dengan rakan yang berlainan anutan agama	27 5.8%	72 15.4%	263 56.3%	105 22.5%	2.96

n=467

Jadual 4.2.8. menerangkan 263 responden setuju dan 105 responden sangat setuju bahawa mereka sedia untuk bersalaman dengan rakan yang berlainan anutan agama . Terdapat 72 responden tidak setuju dan 27 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 2.96

Jadual 4.2.9. Item 9

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
9	Saya sedia untuk bersalaman dengan rakan segama yang berlainan jantina	164 35.1%	115 24.6%	112 24.0%	76 16.3%	2.21

n=467

Jadual 4.2.9. menerangkan 112 responden setuju dan 76 responden sangat setuju bahawa mereka sedia untuk bersalaman dengan rakan segama yang berlainan jantina. Terdapat 115 responden tidak setuju dan 164 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 2.21

Jadual 4.2.10 Item 10

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
10	Saya selesa untuk menziarahi rumah rakan yang berlainan agama	15 3.2%	90 19.3%	283 60.6%	79 16.9%	2.91

n=467

Jadual 4.2.10. menerangkan 283 responden setuju dan 79 responden sangat setuju bahawa mereka selesa untuk menziarahi rumah rakan yang berlainan agama. Manakala 90 responden tidak setuju dan 15 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 2.91

Jadual 4.2.11. Item 11

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
11	Saya boleh tinggal sebilik dengan jantian yang sama tetapi berlainan agama	107 22.9%	170 36.4%	134 28.7%	56 12.0%	2.30

n=467

Jadual 4.2.11. menerangkan 134 responden setuju dan 56 responden sangat setuju bahawa mereka boleh tinggal sebilik dengan jantian yang sama tetapi berlainan agama. Terdapat 170 responden tidak setuju dan 107 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 2.30

Jadual 4.2.12. Item 12

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
12	Saya selesa melayan rakan yang mengunjungi tanpa mengira keturunan dan agama	5 1.1%	25 5.4%	297 63.6%	140 30.0%	3.22

n=467

Jadual 4.2.12. menerangkan 297 responden setuju dan 140 responden sangat setuju bahawa mereka selesa melayan rakan yang mengunjungi tanpa mengira keturunan dan agama. Tapi 25 responden tidak setuju dan hanya 5 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.22

## 4.2.2 Dimensi Kejujuran

Jadual 4.2.13. Item 13

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
13.	Adalah membazir untuk tidak meletakkan kenderaan di tempat yang dikhaskan untuk pensyarah	72 15.4%	221 47.3%	119 25.5%	55 11.8%	2.34

n=467

Jadual 4.2.13. menerangkan 119 responden setuju dan 55 responden sangat setuju bahawa adalah membazir untuk tidak meletakkan kenderaan di tempat yang dikhaskan untuk pensyarah. Manakala 221 responden tidak setuju dan 72 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 2.34

Jadual 4.2.14 Item 14

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
14.	Tiada beza antara pensyarah dengan pelajar yang penting ialah kecekapan berfikir	86 18.4%	192 41.1%	134 28.7%	55 11.8%	2.34

n=467

Jadual 4.2.14. menerangkan 134 responden setuju dan 55 responden sangat setuju bahawa tiada perbezaan antara pensyarah dengan pelajar yang penting ialah kecekapan berfikir. Manakala 192 responden tidak setuju dan 86 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 2.34

Jadual 4.2.15. Item 15

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
15.	Meniru dengan cekap adalah tindakan yang bijaksana	249 53.3%	153 32.8%	48 10.3%	17 3.6%	1.64

n=467

Jadual 4.2.15. menerangkan hanya 48 responden setuju dan 17 responden sangat setuju bahawa meniru dengan cekap adalah tindakan yang bijaksana. Manakala 153 responden tidak setuju dan 249 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 1.64

Jadual 4.2.16. Item 16

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
16.	Berbohong dibolehkan dalam keadaan tertentu	88 18.8%	148 31.7%	197 42.2%	34 7.3%	2.38

n=467

Jadual 4.2.16. menerangkan 197 responden setuju dan 34 responden sangat setuju bahawa berbohong dibolehkan dalam keadaan tertentu. Manakala 148 responden tidak setuju dan 88 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 2.38

Jadual 4.2.17. Item17

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
17.	Peluang mesti digunakan dengan cekap walau pun melanggar batasan nilai	182 39.0%	198 42.4%	73 15.6%	14 3.0%	1.83

n=467

Jadual 4.2.17. menerangkan 73 responden setuju dan hanya 14 responden sangat setuju bahawa peluang mesti digunakan dengan cekap walau pun melanggar batasan nilai. Manakala 198 responden tidak setuju dan 182 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 1.83

Jadual 4.2.18. Item 18

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
18.	Saya merajuk bila ditegur	115 24.6%	273 58.5%	73 15.6%	6 1.3%	1.94

n=467

Jadual 4.2.18. menerangkan 73 responden setuju dan hanya 6 responden sangat setuju bahawa mereka merajuk bila ditegur. Manakala 273 responden tidak setuju dan 115 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 1.94

#### 4.2.3 Dimensi Nilai Prihatin

Jadual 4.2.19. Item 19

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
19.	Mengepam (flush) tandas selepas menggunakannya adalah tidak perlu jika perkhidmatannya telah dibayar	341 73.0%	116 24.8%	8 1.7%	2 0.4%	1.30

n=467

Jadual 4.2.19 menerangkan 8 responden setuju dan 2 responden sangat setuju bahawa Mengepam (flush) tandas selepas menggunakannya adalah tidak perlu jika perkhidmatannya telah dibayar. Manakala 116 responden tidak setuju dan 341 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 1.30

Jadual 4.2.20 Item 20

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
20.	Pendapat orang lain juga perlu diambil kira dalam banyak hal	1 0.2%	17 3.6%	256 54.8%	193 41.3%	3.37

n=467

Jadual 4.2.20 menerangkan 256 responden setuju dan 193 responden sangat setuju bahawa pendapat orang lain juga perlu diambil kira dalam banyak hal. Manakala 17 responden tidak setuju dan 1 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.37

Jadual 4.2.21 Item 21

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
21.	Saya berasa selesa penyelesaian persengketaan antarabangsa dapat diselesaikan secara rundingan	5 1.1%	22 4.7%	199 42.6%	241 51.6%	3.45

n=467

Jadual 4.2.21 menerangkan 199 responden setuju dan 241 responden sangat setuju bahawa mereka berasa selesa penyelesaian persengketaan antarabangsa dapat diselesaikan secara rundingan. Manakala responden 22 tidak setuju dan 5 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.45

Jadual 4.2.22. Item 22

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
22.	Mencerobohi hak asasi manusia satu perbuatan yang tidak wajar	8 1.7%	15 3.2%	103 22.1%	341 73.0%	3.66

n=467

Jadual 4.2.22. menerangkan 103 responden setuju dan 341 responden sangat setuju bahawa mencerobohi hak asasi manusia satu perbuatan yang tidak wajar. Manakala 15 responden tidak setuju dan 8 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.66

#### 4.2.4 Dimensi Sikap Toleran

Jadual 4.2.23. Item 23

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
23.	Saya lebih selesa untuk tinggal sebilik dengan rakan yang seagama	10 2.1%	19 4.1%	136 29.1%	302 64.7%	3.56

n=467

Jadual 4.2.23 menerangkan 136 responden setuju dan 302 responden sangat setuju bahawa mereka lebih selesa untuk tinggal sebilik dengan rakan yang seagama. Manakala 19 responden tidak setuju dan 10 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.56

Jadual 4.2.24. Item 24

Bil	Kenyataan	Sgt tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sgt setuju	Median
24.	Saya lebih selesa untuk membuat assignment dengan rakan seagama dengan saya	14 3.0%	110 23.6%	180 38.5%	163 34.9%	3.05

n=467

Jadual 4.2.24 menerangkan 180 responden setuju dan 163 responden sangat setuju bahawa mereka lebih selesa untuk membuat assignment dengan rakan seagama. Manakala 110 responden tidak setuju dan 14 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.05

Jadual 4.2.25. Item 25

Bil	Kenyataan	Sgt tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sgt setuju	Median
25.	Saya beri ucap selamat/salam kepada pensyarah yang tidak mengajar saya	13 2.8%	103 22.1%	288 61.7%	63 13.5%	2.86

n=467

Jadual 4.2.25 menerangkan 288 responden setuju dan 63 responden sangat setuju bahawa mereka beri ucap selamat/salam kepada pensyarah yang tidak mengajar saya. Manakala 103 responden tidak setuju dan 13 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 2.86

Jadual 4.2.26. Item 26

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
26.	Saya beri laluan kepada orang tua untuk mendahului dalam barisan menunggu	1 0.2%	27 5.8%	250 53.5%	189 40.5%	3.34

n= 467

Jadual 4.2.26 menerangkan 250 responden setuju dan 189 responden sangat setuju bahawa mereka beri laluan kepada orang tua untuk mendahului dalam barisan menunggu. Manakala 27 responden tidak setuju dan hanya 1 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 3.34

Jadual 4.2.27. Item 27

Bil	Kenyataan Item	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
27.	Saya akan beri laluan kepada staf universiti mendahului saya dalam apa-apa urusan	35 7.5%	187 40.0%	196 42.0%	49 10.5%	2.55

n=467

Jadual 4.2.27 menerangkan 196 responden setuju dan 49 responden sangat setuju bahawa mereka akan beri laluan kepada staf universiti mendahului saya dalam apa-apa urusan. Manakala 187 responden tidak setuju dan 35 responden sangat tidak setuju. Dan min ialah 2.55

### 4.3. PENGKELASAN ITEM-ITEM

Item-item dikelaskan kepada 4 aspek dimensi peradaban yang ditumpukan dalam kajian ini iaitu item-item mengenai budaya interaksi dan dialog, nilai-nilai kejujuran, nilai-nilai prihatin dan sikap toleran sepertimana yang di nyatakan seperti berikut:

Jadual 4.3.1: Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Mengenai Budaya Interaksi dan Dialog.

Bil	Kenyataan Item	Sgt tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sgt setuju	Min
1	Saya boleh berjabat tangan dengan pelbagai kaum	<u>51</u> 10.9%	<u>77</u> 16.5%	<u>179</u> 38.3%	<u>160</u> 34.3%	2.96
2	Saya boleh makan semeja dengan rakan dari pelbagai kaum	<u>1</u> 0.2%	<u>24</u> 5.1%	<u>224</u> 48.0%	<u>218</u> 46.7%	3.41
3	Saya menziarahi rumah rakan yang berlainan agama semasa sambutan perayaan mereka	<u>13</u> 2.8%	<u>89</u> 19.1%	<u>248</u> 53.1%	<u>117</u> 25.1%	3.00
4	Saya menghormati cara makan orang lain yang berbeza dari saya	<u>4</u> 0.9%	<u>20</u> 4.3%	<u>326</u> 69.8%	<u>117</u> 25.1%	3.19
5	Saya menghormati cara berpakaian individu	<u>19</u> 4.1%	<u>74</u> 15.8%	<u>254</u> 54.4%	<u>120</u> 25.7%	3.02
6	Saya akan menegur sapa terlebih dahulu bila bertemu rakan pelbagai kaum	<u>7</u> 1.5%	<u>59</u> 12.6%	<u>316</u> 67.7%	<u>85</u> 18.2%	3.03
7	Saya selesa makan semeja dengan jantina yang berlainan	<u>63</u> 13.5%	<u>144</u> 30.8%	<u>184</u> 39.4%	<u>76</u> 16.3%	2.58
8	Saya sedia untuk bersalaman dengan rakan yang berlainan anutan agama	<u>27</u> 5.8%	<u>72</u> 15.4%	<u>263</u> 56.3%	<u>105</u> 22.5%	2.96
9	Saya sedia untuk bersalaman dengan rakan segama yang berlainan jantina	<u>164</u> 35.1%	<u>115</u> 24.6%	<u>112</u> 24.0%	<u>76</u> 16.3%	2.21
10	Saya selesa untuk menziarahi rumah rakan yang berlainan agama	<u>15</u> 3.2%	<u>90</u> 19.3%	<u>283</u> 60.6%	<u>79</u> 16.9%	2.91
11	Saya boleh tinggal sebilik dengan jantian yang sama tetapi berlainan agama	<u>107</u> 22.9%	<u>170</u> 36.4%	<u>134</u> 28.7%	<u>56</u> 12.0%	2.30
12	Saya selesa melayan rakan yang mengunjungi tanpa mengira keturunan dan agama	<u>5</u> 1.1%	<u>25</u> 5.4%	<u>297</u> 63.6%	<u>140</u> 30.0%	3.22

Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan n=467

Jadual 4.3.2: Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Mengenai Nilai Kejujuran

	Kenyataan	Sgt tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sgt setuju	Min
13.	Adalah membazir untuk tidak meletakkan kenderaan di tempat yang dikhaskan untuk pensyarah	<u>72</u> 15.4%	<u>221</u> 47.3%	<u>119</u> 25.5%	<u>55</u> 11.8%	2.34
14.	Tiada beza antara pensyarah dengan pelajar yang penting ialah kecekapan berfikir	<u>86</u> 18.4%	<u>192</u> 41.1%	<u>134</u> 28.7%	<u>55</u> 11.8%	2.34
15.	Meniru dengan cekap adalah tindakan yang bijaksana	<u>249</u> 53.3%	<u>153</u> 32.8%	<u>48</u> 10.3%	<u>17</u> 3.6%	1.64
16.	Berbohong dibolehkan dalam keadaan tertentu	<u>88</u> 18.8%	<u>148</u> 31.7%	<u>197</u> 42.2%	<u>34</u> 7.3%	2.38
17.	Peluang mesti digunakan dengan cekap walau pun melanggar batasan nilai	<u>182</u> 39.0%	<u>198</u> 42.4%	<u>73</u> 15.6%	<u>14</u> 3.0%	1.83
18.	Saya merajuk bila ditegur	<u>115</u> 24.6%	<u>273</u> 58.5%	<u>73</u> 15.6%	<u>6</u> 1.3%	1.94

Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan n=467

Jadual 4.3.3: Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Mengenai Nilai Prihatin

	Kenyataan	Sgt tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sgt setuju	Median
19.	Mengepam (flush) tandas selepas menggunakannya adalah tidak perlu jika perkhidmatannya telah dibayar	<u>341</u> 73.0%	<u>116</u> 24.8%	<u>8</u> 1.7%	<u>2</u> 0.4%	1.30
20.	Pendapat orang lain juga perlu diambil kira dalam banyak hal	<u>1</u> 0.2%	<u>17</u> 3.6%	<u>256</u> 54.8%	<u>193</u> 41.3%	3.37
21.	Saya berasa selesa penyelesaian persengketaan antarabangsa dapat diselesaikan secara rundingan	<u>5</u> 1.1%	<u>22</u> 4.7%	<u>199</u> 42.6%	<u>241</u> 51.6%	3.45
22.	Mencero bohi hak asasi manusia satu perbuatan yang tidak wajar	<u>8</u> 1.7%	<u>15</u> 3.2%	<u>103</u> 22.1%	<u>341</u> 73.0%	3.66

Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan n=467

Jadual 4.2.4: Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Mengenai Sikap Toleran

	Kenyataan	Sgt tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sgt setuju	Median
23.	Saya lebih selesa untuk tinggal sebilik dengan rakan yang seagama	<u>10</u> 2.1%	<u>19</u> 4.1%	<u>136</u> 29.1%	<u>302</u> 64.7%	3.56
24.	Saya lebih selesa untuk membuat assignment dengan rakan seagama dengan saya	<u>14</u> 3.0%	<u>110</u> 23.6%	<u>180</u> 38.5%	<u>163</u> 34.9%	3.05
25.	Saya beri ucap selamat/salam kepada pensyarah yang tidak mengajar saya	<u>13</u> 2.8%	<u>103</u> 22.1%	<u>288</u> 61.7%	<u>63</u> 13.5%	2.86
26.	Saya beri laluan kepada orang tua untuk mendahului dalam barisan menunggu	<u>1</u> 0.2%	<u>27</u> 5.8%	<u>250</u> 53.5%	<u>189</u> 40.5%	3.34
27.	Saya akan beri laluan kepada staf universiti mendahului saya dalam apa-apa urusan	<u>35</u> 7.5%	<u>187</u> 40.0%	<u>196</u> 42.0%	<u>49</u> 10.5%	2.55

Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan n=467

#### 4.4. ANALISIS TAHAP PENGKELASAN ITEM-ITEM

Berdasarkan skala analisis tahap dibawah, item-item yang dikelaskan berdasarkan dimensi peradaban kepada 4 dimensi iaitu budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, nilai prihatin dan sikap toleran, maka Jadual 4.4.1 adalah berkaitan.

##### Skala Analisis Tahap

	<u>Tahap</u>	<u>Markat</u>
1	Rendah	1 hingga 2
2	Sederhana	2.01 hingga 3
3	Tinggi	3.01 hingga 4

Jadual 4.4.1: Tahap Persetujuan Responden Terhadap Budaya Interaksi dan Dialog, Nilai Kejujuran, Nilai Prihatin, dan Sikap Toleran Secara Keseluruhan Berdasarkan Peratusan Dan Min

Dimensi peradaban	Peratusan tahap			Min	Tahap
	Rendah	Sederhana	Tinggi		
Budaya Interaksi & Dialog	3.0%	61.2%	35.8%	2.90	Sederhana
Nilai Kejujuran	54.4%	41.1%	4.5%	2.08	Sederhana
Nilai Prihatin	0.2%	14.6%	85.2%	3.55	Tinggi
Sikap Toleran	2.1%	48.8%	49.0%	3.07	Tinggi
Keseluruhan	-	72.6%	27.4%	2.85	Sederhana

Jadual 4.4.1. menerangkan bahawa dimensi peradaban bagi budaya interaksi dan dialog min ialah 2.90 pada tahap sederhana, dimensi nilai kejujuran min ialah 2.08 pada tahap sederhana, dimensi nilai prihatin min ialah 3.55 pada tahap tinggi dan manakala untuk dimensi sikap toleran min ialah 3.07 juga pada tahap tinggi. Keseluruhannya min ialah 2.85 yang mencatatkan pada tahap sederhana.

#### 4.5. ANALISIS INFERENSI

Jadual 4.5.1: Analisis Ujian Mann-Whitney U Perbandingan Setiap Dimensi Peradaban Dari Segi Jantina

	Dimensi peradaban	Min rank		Mann-Whitney U	sig.
		Lelaki	Perempuan		
1.	Budaya Interaksi & Dialog	242.96	230.32	21290.0	0.36
2.	Nilai Kejujuran	239.09	231.91	21816.0	0.60
3.	Nilai Prihatin	232.70	226.11	22331.5	0.89
4.	Sikap Toleran	253.21	226.11	19895.0	0.05
	Keseluruhan	250.36	227.28	20282.5	0.09

signifikan pada aras 0.05.

Jadual 4.5.1 menunjukkan perbandingan setiap dimensi di bawah peradaban dari segi jantina. Dimensi Budaya dan Interaksi aras signifikannya ialah 0.36, aras signifikan nilai kejujuran ialah 0.60, aras signifikan nilai prihatin ialah 0.89 dan manakala aras signifikan sikap toleran pada aras 0.05. Keseluruhan aras signifikan ialah 0.09.

**Jadual 4.5.2:** Analisis Ujian Kruskal-Wallis Perbandingan Setiap Dimensi Peradaban Dari Segi Bangsa

	Dimensi peradaban	Min rank bangsa				Chi-Square	dk	sig.
		Melayu	Cina	India	Lain-lain			
1.	Budaya Interaksi & Dialog	170.5	351.0	354.1	387.6	197.9	3	0.00*
2.	Nilai Kejujuran	214.7	282.5	218.1	211.9	24.3	3	0.00*
3.	Nilai Prihatin	235.9	232.7	183.2	250.6	2.24	3	0.52
4.	SikapToleran	268.0	171.5	185.0	136.5	58.6	3	0.00*
	Keseluruhan	187.2	325.8	293.0	323.2	107.6	3	0.00*

\*signifikan pada aras 0.05.

Jadual 4.5.2 menunjukkan perbandingan setiap dimensi di bawah peradaban dari segi bangsa. Dimensi Budaya dan Interaksi aras signifikannya ialah pada aras 0.00, aras signifikan nilai kejujuran ialah 0.00, aras signifikan nilai prihatin ialah 0.52 dan manakala aras signifikan sikap toleran pada aras 0.00. Keseluruhan aras signifikan ialah 0.00.

Jadual 4.5.3: Analisis Ujian Kruskal-Wallis Perbandingan Setiap Dimensi Peradaban Dari Segi Agama

	Dimensi peradaban	Min rank agama					Chi-Square	dk	sig.
		Islam	Buddha	Hindu	Kristian	Lain-lain			
1.	Budaya Interaksi & Dialog	171.4	348.3	346.8	374.7	437.7	197.3	4	0.00*
2.	Nilai Kejujuran	213.7	301.3	220.2	210.5	160.7	36.5	4	0.00*
3.	Nilai Prihatin	236.3	233.0	172.0	229.6	347.7	4.05	4	0.40
4.	SikapToleran	269.0	178.8	160.8	134.5	71.2	66.1	4	0.00*
	Keseluruhan	187.8	331.1	280.5	309.6	383.7	108.2	4	0.00*

\*signifikan pada aras 0.05.

Jadual 4.5.3 menunjukkan perbandingan setiap dimensi di bawah peradaban dari segi agama. Dimensi Budaya dan Interaksi aras signifikannya ialah 0.00, aras signifikan nilai kejujuran ialah 0.00, aras signifikan nilai prihatin ialah 0.40 dan manakala aras signifikan sikap toleran pada aras 0.00. Keseluruhan aras signifikan ialah 0.00.

Jadual 4.5.4 Analisis Ujian Kruskal-Wallis Perbandingan Setiap Dimensi Peradaban Dari Segi Fakulti

	Dimensi peradaban	Min rank fakulti							Chi-Square	dk	sig.
		1	2	3	4	5	6	7			
1.	Budaya Interaksi & Dialog	231.3	177.4	219.5	263.5	217.5	244.3	207.1	11.73	6	0.07
2.	Nilai Kejujuran	211.9	198.0	241.9	249.9	185.7	246.1	214.5	9.60	6	0.14
3.	Nilai Prihatin	250.9	220.9	231.5	243.4	198.4	231.8	233.6	3.36	6	0.76
4.	SikapToleran	292.3	301.6	230.9	235.6	206.2	210.6	243.6	16.5	6	0.01*
	Keseluruhan	244.8	193.2	225.1	264.1	180.9	242.0	206.1	14.1	6	0.03*

\*signifikan pada aras 0.05.

- Fakulti
- |   |  |
|---|--|
| 1 - Kejuruteraan Awam                   | 5 - Sains Komputer dan Sistem Maklumat |
| 2 - kejuruteraan Elektrik               | 6 - Sains                              |
| 3 - Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi | 7 - Pendidikan                         |
| 4 - FPPSM                               |  |

Jadual 4.3.3 menunjukkan perbandingan setiap dimensi di bawah peradaban dari segi fakulti. Dimensi Budaya dan Interaksi aras signifikannya ialah 0.07, aras signifikan nilai kejujuran ialah 0.14, aras signifikan nilai prihatin ialah 0.76 dan manakala aras signifikan sikap toleran pada aras 0.01. Keseluruhan aras signifikan ialah 0.03.

Jadual 4.5.5: Analisis Ujian Kruskal-Wallis Perbandingan Setiap Dimensi Peradaban Dari Segi Tahun Pengajian

	Dimensi peradaban	Min rank tahun pengajian			Chi-Square	dk	sig.
		2	3	4			
1.	Budaya Interaksi & Dialog	91.5	230.3	276.0	6.84	2	0.03*
2.	Nilai Kejujuran	391.2	236.6	201.9	5.41	2	0.07
3.	Nilai Prihatin	201.8	233.6	239.2	0.19	2	0.91
4.	SikapToleran	386.0	234.8	219.8	3.10	2	0.21
	Keseluruhan	259.5	231.4	257.6	1.57	2	0.46

\*signifikan pada aras 0.05.

Jadual 4.5.5 menunjukkan perbandingan setiap dimensi di bawah peradaban dari segi tahun pengajian. Dimensi Budaya dan Interaksi aras signifikannya ialah 0.03, aras signifikan nilai kejujuran ialah 0.07, aras signifikan nilai prihatin ialah 0.91 dan manakala aras signifikan sikap toleran pada aras 0.21. Keseluruhan aras signifikan ialah 0.46.

#### 4.6. Kesimpulan

Semua data-data ini telah berjaya di analisis dan dibincangkan dalam bab seterusnya bagi membuat beberapa perbincangan dan rumusan.

## **BAB V**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Dalam bab ini membincangkan rumusan dan cadangan kajian. Terdapat beberapa perkara penting yang diutarakan dalam bab ini yang menyangkut soal dimensi peradaban yang difokuskan iaitu budaya interaksi, nilai kejujuran, nilai prihatin dan sikap toleran. Kesimpulan dibuat berdasarkan data-data yang terdapat dalam bab empat. Dalam ini juga diutarakan cadangan-cadangan yang boleh meningkatkan kedudukan dialog antara peradaban terutamanya diperingkat lokaliti. Cadangan yang dikemukakan dalam kajian akan mendapat perhatian melalui pembacaan hasil kajian ini.

#### **5.2 Perbincangan**

Perbincangan dalam bab ini difokuskan kepada persoalan-persoalan kajian bagi mencapai objektif kajian yang telah dinyatakan di dalam Bab I. Pengkaji juga akan membincangkan mengenai maklumat latar belakang responden yang mempunyai kaitan dengan persoalan kajian.

##### **5.2.1 Latar Belakang Responden**

Berdasarkan dapatan kajian bilangan lelaki seramai 136 (29.1%) dan bilangan perempuan seramai 331(70.9%) daripada 467 responden seluruhnya. Jadi secara perbandingan ratio ialah 1: 3. Di dapati ramai responden kajian ini adalah terdiri daripada pelajar perempuan (70.9%) dan diikuti pelajar lelaki (29.1%). Pada amnya

bahawa kemasukan ke IPTA sejak kebelakang ini adalah majoritinya perempuan. Dan tidak hairanlah ratio lelaki dan perempuan ialah 1:3

Analisis berkaitan dengan bangsa menunjukkan majoriti responden adalah responden bangsa Melayu seramai 306 orang (65.5%), diikuti dengan responden bangsa Cina seramai 133 orang (28.5%), responden bangsa India hanya 13 orang (2.8%) manakala bangsa lain-lain 15 orang (3.2%). Dalam kajian ini menunjukkan majoriti responden adalah pelajar Melayu.

Dari segi agama pula 308 orang (66.0%) responden beragama Islam, 110 orang (23.6%) responden beragama Buddha, 11 orang (2.4%) responden beragama Hindu, 36 orang (7.7%) responden beragama Kristian dan 2 orang (0.4%) responden lain-lain agama. Berdasarkan proposisi agama, majoriti responden adalah terdiri dari beragama Islam. Ini ada kaitan dengan dengan bangsa. Dalam kajian ini dari segi bangsa majoriti berbangsa Melayu. Kebanyakan bangsa Melayu adalah beragama Islam.

Dari segi Fakulti yang paling ramai ialah Fakulti Sains 128 orang (27.4%) diikuti dengan Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia 101 orang (21.6%), Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi 94 orang (20.1%), Fakulti Pendidikan 63 orang (13.5), Fakulti Kejuruteraan Awam 42 orang (9.0%), Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat 27 orang (5.8 %) dan akhirnya Fakulti Elektrik 12 orang (2.6 %). Dari aspek taburan fakulti nampaknya tidak seimbang. Namun ini ada berkaitan dengan faktor-faktor seperti distribusi instrumen kajian dan komposisi pelajar dalam kelas-kelas. Manakala dari tahun ramai responden adalah daripada tahun tiga 421 orang (90.1%), diikuti dengan tahun empat 44 orang (9.4%) dan tahun dua 2 orang (0.4%). Walaupun kajian ini bagi tahun tiga terdapat tahun-tahun lain kerana kemungkinan mereka masuk kelas tahun tiga kerana beberapa sebab. Antaranya ialah sebab pelajar ulang matapelajaran atau pelajar kemasukan terus.

### 5.2.2. Dimensi Peradaban

Jika dibahaskan tentang tahap persetujuan responden terhadap dimensi peradaban bagi budaya interaksi dan dialog min ialah 2.90 pada tahap sederhana, dimensi nilai kejujuran min ialah 2.08 pada tahap \sederhana, dimensi nilai prihatin min ialah 3.55 pada tahap tinggi dan manakala untuk dimensi sikap toleran min ialah 3.07 juga pada tahap tinggi. Keseluruhannya min ialah 2.85 yang mencatatkan pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa pada umum responden mempunyai kesedaran dan mengamalkan beberapa prinsip-prinsip asasi dalam dimensi peradaban. Didapati pada dimensi prihatin dan toleran responden menunjukkan tahap tinggi. Ini merupakan satu tapak yang kukuh untuk menjadi asas bagi meningkatkan lagi usaha-usaha ke arah dialog antara peradaban pada masa akan datang. Manakala dimensi budaya interaksin dan kejujuran pula tidak rendah walau pada tahap sederhana, ertinya bahawa kesediaan dan nilai-nilai asas yang minima sudah ada, cuma bagaimana usaha seterusnya dilaksanakan dengan sistematik dan teliti bagi menjamin dialog antara peradaban berjaya.

### 5.2.3 Dimensi Budaya Intersksi dan Dialog

Objektif pertama kajian adalah mengenalpasti budaya interaksi dan dialog responden mengenai dialog peradaban. Sebanyak 12 item telah dibina bagi mengetahui responden tentang budaya interaksi dan dialog Analisis bahagian ini mendapati lima daripada item tersebut berada di tahap yang tinggi dan tujuh lagi menunjukkan di tahap sederhana tentang dialog peradaban.

Kajian ini mendapati bahawa responden sangat bersetuju bahawa bergaul, berjabat tangan, ziarah, makan, menyapa antara pelbagai agama dan bangsa adalah satu budaya yang diamalkan dalam kehidupan harian yang bertamadun berdasarkan min yang tinggi iaitu 3.38. Ini menunjukkan bahawa responden terdiri daripada mereka yang

memahami bahawa elemen berinteraksi dan berdialog antara pelbagai bangsa dan agama penting dalam pembinaan sesebuah tamadun. Interaksi dan dialog seperti ini sememangnya di anjurkan oleh kebanyakan agama besar dunia agar hidup fahama dan memahami dan harmoni ( Ghazali Basri,1990: 43)

Selain itu, pencapaian tahap sederhana ke atas dikalangan responden adalah kerana pendedahan mereka dengan subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), subjek Kenegaraan dan Hubungan Etnik. Di samping itu kelas yang bercampur dari segi agama dan bangsa. Faktor ini juga banyak membantu ke arah wujudnya budaya interaksi dan dialog.

#### **5.2.4. Dimensi Nilai Kejujuran.**

Pada objektif kedua yang cuba mengenalpasti tahap nilai kejujuran. dikalangan responden juga menjadi keutamaan. Dimensi nilai kejujuran min ialah 2.08 pada tahap yang sederhana. Terdapat 6 item kesemuanya. Item 13 adalah menunjukkan bahawa responden mempunyai nilai kejujuran apabila 221 responden tidak setuju dengan perbuatan meletakkan kenderaan tempat pensyarah berbanding 119 responden. Pada item 14 pula mempunyai 193 responden tidak setuju berbanding 134 setuju mengenai kejujuran tentang status antara pensyarah dan pelajar asalkan cekap berfikir. Manakala pada item 15 menunjukkan ramai beranggapan iaitu 153 responden tidak setuju dan 249 responden sangat tidak setuju bahawa perbuatan meniru adalah yang tidak boleh diterima walaupun meniru dengan cekap. Pada Item 16 yang menyatakan berbohong dibolehkan dalam keadaan tertentu adalah hampir seimbang jumlah responden iaitu 236 responden tidak tidak dan sangat setuju dan 221 setuju dan sangat setuju. Pada 17 dan 18 menunjukkan responden mempunyai pendirian kejujuran yang mantap apabila mereka majoriti tidak setuju tentang melanggar batasan nilai dan mereka boleh ditegur dan tidak merajuk. Pada umumnya ada ruang untuk dipertingkatkan nilai kejujuran dikalangan responden. Ini satu kemungkinan yang tinggi kerana indikator item 18 menunjukkan bahawa mereka boleh ditegur dan dinasihati ke arah kebaikan.

### **5.2..5 Dimensi Nilai Prihatin**

Dimensi mengandungi hanya 4 item sahaja. Tahap min dalam dimensi ini adalah di tahap tinggi iaitu 3.55. Dalam item 19, 457 responden tidak bersetuju mengepam (flush) tandas selepas menggunakannya adalah tidak perlu jika perkhidmatannya telah dibayar. Responden sedar bahawa perbuatan ini adalah tidak mempunyai kesedaran moral dan tanggungjawab. Pada item 20 pula bahawa 256 responden setuju dan 193 responden sangat setuju bahawa pendapat orang lain juga perlu diambil kira dalam banyak hal. Majoriti bersetuju sikap prihatin terhadap orang lain. Dalam masa yang samamenampakan sikap toleran. Dalam item 21 seramai 199 responden setuju dan 241 responden sangat setuju bahawa mereka berasa selesa penyelesaian persengketaan antarabangsa dapat diselesaikan secara rundingan. Ini menunjukkan bahawa ada kesedaran sikap dan nilai prihatin terhadap yang berlaku sekeliling terutamanya konflik. Tambahan pula pendekatan yang dipersetujui ialah melalui rundingan iaitu pendekatan damai. Ini akan memudahkan dialog wujud. Dan pada item ke 22 majoriti responden iaitu 103 responden setuju dan 341 responden sangat setuju bahawa mencero bohi hak asasi manusia satu perbuatan yang tidak wajar, hanya 15 responden tidak setuju dan 8 responden sangat tidak setuju. Ini adalah pertanda bahawa pendekatan kekerasan tidak dipersetujui oleh responden tetapi pendekatan sebaliknya iaitu melalui rundingan, perbincangan dan dialog secara aman. Pada dimensi prihatin memperlihatkan nilai asas memang ada dan memungkinkan terjadinya ke arah dialog antara peradaban.

### **5.2.6. Dimensi sikap toleran.**

Pada dimensi sikap toleran mencatatkan min 3.07 pada tahap tinggi. Terdapat enam item iaitu item 23 sehingga item ke 27. Pada item 23 menunjukkan seramai 136 responden setuju dan 302 responden sangat setuju bahawa mereka lebih selesa untuk tinggal sebilik dengan rakan yang seagama. Hanya 19 responden tidak setuju dan 10 responden sangat tidak setuju. Ini menjelaskan sikap tolak ansur dikalangan responden ada. Manakala pada item 24 memperlihatkan 180 responden setuju dan 163 responden sangat setuju bahawa mereka lebih selesa untuk membuat assignment dengan rakan seagama. Manakala 110 responden tidak setuju dan 14 responden sangat tidak setuju. Majoriti responden boleh melakukan kerjasama dengan rakan lain agama. Terdapat faktor-faktor yang mendorong keadaan ini berlaku. Salah satunya ialah faktor sistem pembelajaran intergrasi kaum dan persekitaran kampus. Dalam item

ke 25 terdapat 288 responden setuju dan 63 responden sangat setuju bahawa mereka beri ucapan selamat/salam kepada pensyarah yang tidak mengajar saya. Manakala 103 responden tidak setuju dan 13 responden sangat tidak setuju. Ini menandakan bahawa sikap hormat kepada sifu dan orang berilmu serta orang dewasa ada. Sifat hormat ada kaitan pula dengan sifat toleran. Sifat hormat kepada orang berilmu sememangnya ada dalam semua tamadun. Item ke 26 pula majoriti responden iaitu 250 responden setuju dan 189 responden sangat setuju bahawa mereka beri laluan kepada orang tua untuk mendahului dalam barisan menunggu. Manakala hanya 27 responden tidak setuju dan hanya 1 responden sangat tidak setuju. Ini menunjukkan sikap hormat dan boleh beralah serta sabar merupakan salah satu sikap yang sangat dianjurkan dalam berdialog. Item 27 pula menjelaskan 196 responden setuju dan 49 responden sangat setuju bahawa mereka akan beri laluan kepada staf universiti mendahului saya dalam apa-apa urusan. Manakala 187 responden tidak setuju dan 35 responden sangat tidak setuju. Ini menunjukkan kesedaran mengutamakan orang yang lebih dewasa dan lebih penting serta sifat hormat adalah nilai tradisi yang amat selari dengan sifat dialog.

### **5.3. Rumusan analisis Ujian Mann Whitney U dan Kruskal-Wallis Perbandingan Dimensi-dimensi Peradaban**

#### **5.3.1 Andaian 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Budaya Interaksi dan Dialog, Nilai Kejujuran, Nilai Prihatin, dan Sikap Toleran keseluruhan dari segi jantina.**

Dari jadual 4.5.1 analisis Ujian Mann-Whitney U Perbandingan setiap dimensi peradaban dari segi jantina didapati bahawa dimensi budaya dan interaksi aras signifikannya ialah 0.36, aras signifikan nilai kejujuran ialah 0.60, aras signifikan nilai prihatin ialah 0.89 dan manakala aras signifikan sikap toleran pada aras 0.05. Keseluruhan aras signifikan ialah 0.09.

Dapatan daripada ujian Mann-Whitney di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dengan responden perempuan terhadap setiap dimensi di bawah peradaban. Nilai signifikan yang diperolehi ialah antara 0.05 hingga 0.89, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Kesemua nilai signifikan di atas adalah tinggi untuk menunjukkan sebarang

kecenderungan ke arah yang signifikan. Ini bermakna tidak wujud perbezaan budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, nilai prihatin dan sikap toleran secara keseluruhan dari segi jantina.

Oleh yang demikian andaian 1 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, nilai prihatin dan sikap toleran secara keseluruhan dari segi jantina adalah diterima.

### **5.3.2. Andaian 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dimensi budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, nilai prihatin, dan sikap toleran keseluruhan dari segi bangsa.**

Dari analisis Ujian Kruskal-Wallis perbandingan setiap dimensi peradaban dari segi bangsa menunjukkan bahawa jadual 4.5.2 secara perbandingan, dimensi budaya dan interaksi aras signifikannya ialah pada aras 0.00, aras signifikan nilai kejujuran ialah 0.00, aras signifikan nilai prihatin ialah 0.52 dan manakala aras signifikan sikap toleran pada aras 0.00. Keseluruhan aras signifikan ialah 0.00.

Dapatan daripada ujian Kruskal Wallis di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dimensi budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, sikap toleran secara keseluruhan dari segi bangsa. Kesemua nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.00, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai signifikan ini adalah sangat rendah dan ini menunjukkan kecenderungan ke arah yang signifikan. Ini bermakna wujud perbezaan budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, sikap toleran secara keseluruhan di antara pelajar Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Bagi dimensi nilai prihatin, ujian yang sama menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi bangsa kerana nilai signifikan yang diperolehi adalah tinggi daripada aras signifikan 0.05.

Oleh yang demikian andaian 2 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi bangsa adalah diterima untuk dimensi nilai prihatin.

**5.3.3. Andaian 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dimensi budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, nilai prihatin, dan sikap toleran keseluruhan dari segi agama.**

Dari analisis Ujian Kruskal-Wallis Perbandingan setiap dimensi peradaban dari segi agama dalam jadual 4.5.3 menunjukkan perbandingan dimensi budaya dan interaksi aras signifikannya ialah 0.00, aras signifikan nilai kejujuran ialah 0.00, aras signifikan nilai prihatin ialah 0.40 dan manakala aras signifikan sikap toleran pada aras 0.00. Keseluruhan aras signifikan ialah 0.00.

Dapatan ujian Kruskal Wallis di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dimensi budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, sikap toleran secara keseluruhan dari segi agama. Kesemua nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.00, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai signifikan ini adalah sangat rendah dan ini menunjukkan kecenderungan ke arah yang signifikan. Ini bermakna wujud perbezaan budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, sikap toleran secara keseluruhan di antara pelajar-pelajar yang beragama Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan lain-lain agama.

Bagi dimensi nilai prihatin, ujian yang sama menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi agama kerana nilai signifikan yang diperolehi adalah tinggi daripada aras signifikan 0.05 iaitu 0.40.

Oleh yang demikian andaian 3 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi agama adalah diterima untuk dimensi nilai prihatin.

**5.3.4 Andaian 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dimensi budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, nilai prihatin, dan sikap toleran keseluruhan dari segi fakulti.**

Dalam analisis Ujian Kruskal-Wallis perbandingan setiap dimensi peradaban dari segi fakulti dapati bahawa jadual 4.3.3 secara perbandingan menunjukkan dimensi budaya dan interaksi aras signifikannya ialah 0.07, aras signifikan nilai kejujuran ialah 0.14, aras signifikan nilai prihatin ialah 0.76 dan manakala aras signifikan sikap toleran pada aras 0.01. Keseluruhan aras signifikan ialah 0.03.

Dapatan daripada ujian Kruskal Wallis di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dimensi sikap toleran keseluruhan dari segi fakulti. Kedua-dua nilai signifikan bagi sikap toleran secara keseluruhan ialah 0.01 dan 0.03, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai signifikan ini adalah sangat rendah dan ini menunjukkan kecenderungan ke arah yang signifikan. Ini bermakna terdapat perbezaan sikap toleran secara keseluruhan di antara pelajar-pelajar dari segi fakulti.

Bagi dimensi budaya interaksi, nilai kejujuran dan nilai prihatin, ujian yang sama menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi fakulti kerana nilai signifikan yang diperolehi adalah tinggi iaitu antara 0.07 hingga 0.76.

Oleh yang demikian andaian 4 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi fakulti adalah diterima untuk dimensi budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran dan nilai prihatin.

**5.3.5. Andaian 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dimensi budaya interaksi dan dialog, nilai kejujuran, nilai prihatin, dan sikap toleran keseluruhan dari segi tahun pengajian.**

Dari analisis Ujian Kruskal-Wallis perbandingan setiap dimensi peradaban dari segi tahun pengajian dalam jadual 4.5.5 menunjukkan secara perbandingan bahawa dimensi budaya dan interaksi aras signifikannya ialah 0.03, aras signifikan nilai

kejujuran ialah 0.07, aras signifikan nilai prihatin ialah 0.91 dan manakala aras signifikan sikap toleran pada aras 0.21. Keseluruhan aras signifikan ialah 0.46.

Dapatan daripada ujian Kruskal Wallis di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dimensi budaya interaksi dan dialog dari segi tahun pengajian. Nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.00, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai signifikan ini adalah sangat rendah dan ini menunjukkan kecenderungan ke arah yang signifikan. Ini bermakna terdapat perbezaan budaya interaksi dan dialog di antara pelajar-pelajar tahun dua, tahun tiga dan tahun empat.

Bagi dimensi nilai kejujuran, nilai prihatin, sikap toleran keseluruhan, ujian yang sama menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahun pengajian kerana nilai signifikan yang diperolehi adalah tinggi iaitu antara 0.07 hingga 0.91.

Oleh yang demikian andaian 5 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahun pengajian adalah diterima untuk dimensi nilai kejujuran, nilai prihatin, dan sikap toleran keseluruhan.

#### **5.4. Cadangan-Cadangan Untuk Meningkatkan Dialog Peradaban**

Berdasarkan kepada beberapa rumusan di atas didapati bahawa terdapat aras yang signifikan dalam dimensi peradaban dari segi agama dan bangsa. Jika ditinjau dari segi pencapaian min dalam nilai prihatin dan sikap toleran adalah pada tahap tinggi. Manakala pada dimensi peradaban iaitu nilai kejujuran dan budaya & interaksi dalam dalam tahap sederhana bererti masih diterima dalam konteks asas sifat untuk berdialog. Maka jelas kepada kita bahawa satu asas yang mantap tentang prinsip, nilai dan sifat dialog peradaban sudah ada. Lantaran itu, usaha-usaha ke arah pembentukan dialog dikalangan pelajar-pelajar akan menjadi mudah untuk dilaksanakan. Oleh itu, semua peringkat masyarakat terutamanya dikalangan pemimpin pelajar-pelajar pengajian tinggi, ahli akademik, pemikir, agamawan, ahli falsafah harus menggembelengkan tenaga untuk mencari penyelesaian terhadap masalah konflik yang berlaku. Selari dengan itu, M.Q.Khan (1997: 3) menyatakankan ahli-ahli akademik, pemikir dan ahli falsafah sedang menerokai merentas sempadan bagi mengatasi jurang-jurang yang ada

agar pemikiran manusia, hikmah dan visi dapat diadunkan menerusi dialog peradaban dengan menggunakan manafaat teknologi moden yang terbentang luas.

## 5.5 Rumusan

Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan, beberapa rumusan dapat dinyatakan dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- 5.5.1 Budaya hidup berinteraksi dan berdialog dikalangan pelajar-pelajar di IPTA sememang sudah terjalin melalui subjek dan kuliah TITAS dan Hubungan Etnik yang diwajibkan kepada pelajar IPTA. Kewajiban mengambil subjek wajib Universiti dan mengikutinya ternyata memberi kesan dan boleh ditingkatkan dari masa ke semasa.
- 5.5.2 Prinsip, nilai dan sifat dimensi dialog peradaban seperti nilai kejujuran, nilai prihati dan sikap toleran dalam tanggapan dan amalan pelajar yang terbina sejak diperingkat sekolah dan dibawa keperingkat di Institusi Pengajian Tinggi. Prinsip, nilai dan sifat murni peradaban harus dipupuk dan di bangunkan agar senantiasa dinamik dan menjadi budaya masyarakat kampus.
- 5.5.3 Pelajar menyedari dan mengambil berat tentang perlunya kepada keamanan dan kedamaian bukannya kekerasan dan pencerobohan terhadap hak-hak asasi manusia.
- 5.5.4 Secara keseluruhannya, pengamalan nilai-nilai dalam dialog peradaban seperti toleransi, interaksi, prihatin, jujur, hormat-menghormati serta kerjasama berada di tahap yang sederhana ke atas dan boleh ditingkatkan lagi.

## **5.6. Cadangan**

Berdasarkan kepada hasil perbincangan dan rumusan yang telah dinyatakan, pengkaji mendapati beberapa pihak yang bertanggungjawab perlulah mengambil langkah tertentu untuk meningkatkan lagi dialog peradaban. Beberapa cadangan dikemukakan antaranya ialah:

### **5.6.1. Individu**

- 5.6.1.1. Individu sedar tentang kepetingan mewujudkan suasana yang harmonis dan berinteraksi dengan baik antara kaum, bangsa dan agama.
- 5.6.1.2. Sentiasa mempunyai persiapan mental dan emosi dalam menghadapi kepelbagaian dan perbezaan pemikiran, keturunan, agama dan budaya serta tamadun. Di samping akur dan hormat tentang perbezaan.
- 5.6.1.3. Senantiasa ambil inisiatif dan proaktif dalam aktiviti persatuan yang dianjurkan yang berkaitan dengan perhubungan baik sesama kaum dan sebagainya.

### **5.6.2. Ahli Akademik**

- 5.6.2.1 Memahami dialog peradaban dan peranan dalam pembangunan masyarakat.
- 5.6.2.2 Menerangkan dan menerapkan prinsip dan nilai dialog antara dalam pengajaran dan pembelajaran.

5.6.2.3 Merangsang penglibatan pelajar-pelajar dari pelbagai latar belakang dalam sistem pembelajaran.

### **5.6.3 Pihak Pentadbiran Universiti**

5.6.3.1 Pihak pentadbiran universiti seperti Hal Ehwal Pelajar, Pusat Ko-kurikulum, dan pihak pentadbiran kolej perlu mendokong dan menyokong semua aktiviti-aktiviti dan program yang melibatkan semua bangsa, agama dan budaya.

5.6.3.2 Mengadakan perbincangan dengan persatuan-persatuan pelajar bagi menarangkan peranan dan fungsi dialog peradaban dalam konteks kampus.

5.6.3.3 Menganjurkan dialog antara pentadbiran dan pemimpin pelajar disemua peringkat tentang dialog.

5.6.3.4 Penerapan elemen kemahiran insaniah yang mengandungi aspek budaya interaksi, kejujuran, toleransi, hormat-menghormati, kerjasama, *team working* dan aspek-aspek lain harus di berikan keutamaan.

### **5.6.4 Persatuan Pelajar**

5.6.4.1 Perbincangan dan tukar fikiran di kalangan pemimpin pelajar tentang dialog harus ada dan dikembangkan diperingkat akar umbi.

5.6.4.2 Senantiasa adakan program secara kerjasama antara persatuan pelajar dan jaringan dengan NGO yang tersohor agar dimensi diskusi terarah.

5.6.4.3 Pemimpin-pemimpin persatuan pelajar hendaklah berbincang masalah-masalah yang melibatkan isu-isu peradaban manusia dengan penyertaan berbagai bangsa dan agama serta budaya.

5.6.4.4 Senantiasa mengadakan program dialog antara budaya dan agama disemua peringkat dengan isu-isu yang relevan dengan pelajar.

### **5.6.5 Kementerian Pengajian Tinggi**

5.6.5.1 Menjadikan dialogn antara peradaban agenda nasional di IPTA dan IPTS.

5.6.5.2 Memberi ruang dan autonomi secukupnya kepada pihak universiti bagi menganjurkan aktiviti dan program berkaitan dengan dialog antara agama atau peradaban.

5.6.5.3 Mengadakan dialog terbuka antara semua pemimpin MPP universiti dengan Kementerian Pengajian Tinggi mengenai isu-isu dialog budaya, agama dan peradaban.

5.6.5.4 memberi pendedahan kepada para pelajar tentang interaksi, silang budaya dan kefahaman agama antara kaum.

5.6.5.5 Meneruskan subjek TITAS dan Hubungan Etnik. Dalam pelaksanaannya dimasukkan elemen yang mendedahkan kepada para pelajar tentang dialog peradaban, konsep, pengamalan dan harus menekankan soal penghayatan melalui dialog peradaban yang boleh dikongsi bersama.

## 5.7 Cadangan Kajian Lanjutan

Berikut adalah cadangan-cadangan bagi kajian lanjutan yang lebih terperinci untuk dijalankan:

- 5.7.2 Memperbanyakkan kajian berkaitan dengan tahap dan amalan dengan mengambil sampel dan populasi yang lebih besar.
- 5.7.3 Mengadakan kajian di peringkat akar umbi mengenai persepsi mengenai dimensi dialog antara kaum dan agama.
- 5.7.4 Mengkaji faktor-faktor yang menghambat pelaksanaan dialog dalam masyarakat akar umbi.
- 5.7.5 Mengkaji faktor-faktor yang mendorong kepada dialog peradaban.
- 5.7.6 Mengkaji penglibatan ahli politik dalam pembangunan dialog peradaban
- 5.7.7 Mengkaji tahap amalan dialog peradaban di IPTA dan IPTS secara perbandingan.

## 5.8 Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa dialog peradaban merupakan satu tema yang baru di negara Malaysia dan mulai menjadi satu agenda penting dalam masyarakat majmuk. Lantaran itu kerana kepingannya, maka semua peringkat pemimpin dan masyarakat harus cuba memahami dan aplikasikannya dalam kehidupan seharian. Terutamanya dikalangan mereka yang berpendidikan tinggi isu berkaitan dengan dialog seharusnya digarap sepenuhnya. Dengan kesediaan dan persiapan mental dan emosi, langkah yang proaktif dan dinamik dalam menggiatkan dialog antara peradaban dikalangan pelajar pengajian tinggi harus di sokong dan di dokong oleh semua lapisan masyarakat. Setiap tindakan masa depan banyak bergantung kepada generasi muda, generasi pelajar yang berpendidikan kerana mereka adalah cerminan dan hati nurani masyarakat bagi menentukan kesinambungan keharmonian negara, bangsa dan agama.



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**PUSAT PENGAJIAN ISLAM DAN PEMBANGUNAN SOSIAL**

**BORANG SOAL SELIDIK**

---

---

**TAHAP DIALOG PERADABAN**  
**DI KALANGAN PELAJAR TAHUN TIGA, UTM**

---

---

Saudara/saudari yang dihormati,  
Terima kasih kerana sudi meluangkan sedikit masa untuk mengisi borang soal selidik ini.

Kerjasama saudara/saudari adalah diharapkan untuk menjawab soalan dengan jujur dan ikhlas terhadap item-item yang dikemukakan.

Maklumat yang diperolehi akan membantu pengkaji menjalankan penyelidikan anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan, UTM..

Kerjasama daripada kalian saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

**Bahagian A: Latar Belakang Responden**

**Bahagian B: Dimensi Peradaban**

Disediakan oleh:  
**AZMI SHAH BIN SURATMAN**  
**& RAKAN-RAKAN**

## Bahagian A : Latar Belakang Responden

Sila pilih dan tandakan yang bersesuaian dengan jawapan anda pada kotak yang disediakan.

- |   |                          |                          |
|---|--------------------------|--------------------------|
| 1. Jantina  | i) Lelaki                | <input type="checkbox"/> |
|   | ii) Perempuan            | <input type="checkbox"/> |
| 2. Bangsa   | i) Melayu                | <input type="checkbox"/> |
|   | ii) Cina                 | <input type="checkbox"/> |
|   | iii) India               | <input type="checkbox"/> |
|   | iv) Lain-lain (Nyatakan) | <input type="checkbox"/> |
| <hr/>   |                          |                          |
| 3. Agama  | i) Islam                 | <input type="checkbox"/> |
|   | ii) Buddha               | <input type="checkbox"/> |
|   | iii) Hindu               | <input type="checkbox"/> |
|   | iv) Kristian             | <input type="checkbox"/> |
|   | iv) Lain-lain (Nyatakan) | <input type="checkbox"/> |
| <hr/>   |                          |                          |
| 4. Bidang pengajian<br>(cth: SPA, SEE, SAW)           |                          | <hr/>                    |
| 5. Fakulti  |                          | <hr/>                    |
| 6. Program pengajian                                  | i) Diploma               | <input type="checkbox"/> |
|   | ii) Ijazah Sarjana Muda  | <input type="checkbox"/> |
| 7. Tahun pengajian                                    | Tahun                    | <hr/>                    |
| 8. Kelulusan terdahulu sebelum<br>memasuki universiti | i) Sijil                 | <input type="checkbox"/> |
|   | ii) SPM                  | <input type="checkbox"/> |
|   | iii) STPM                | <input type="checkbox"/> |
|   | iv) Diploma              | <input type="checkbox"/> |

## Bahagian B : Dimensi Peradaban

Sila bulatkan (O) jawapan pilihan anda berdasarkan kenyataan yang diberikan.

	1 Sangat Tidak Setuju (STS)	2 Tidak Setuju (TS)	3 Setuju (S)	4 Sangat Setuju (SS)	
				<b>STS    TS    S    SS</b>	
1.	Saya boleh berjabat tangan dengan pelbagai kaum	1	2	3	4
2.	Saya boleh makan semeja dengan rakan dari pelbagai kaum	1	2	3	4
3.	Saya menziarahi rumah rakan yang berlainan agama semasa sambutan perayaan mereka	1	2	3	4
4.	Saya menghormati cara makan orang lain yang berbeza dari saya	1	2	3	4
5.	Saya menghormati cara berpakaian individu	1	2	3	4
6.	Saya akan menegur sapa terlebih dulu bila bertemu rakan pelbagai kaum	1	2	3	4
7.	Saya selesa makan semeja dengan jantina yang berlainan	1	2	3	4
8.	Saya sedia untuk bersalaman dengan rakan yang berlainan anutan agama	1	2	3	4
9.	Saya sedia untuk bersalaman dengan rakan seagama yang berlainan jantina	1	2	3	4
10.	Saya selesa untuk menziarahi rumah rakan yang berlainan agama	1	2	3	4
11.	Saya boleh tinggal sebilik dengan jantina yang sama tetapi berlainan agama	1	2	3	4
12.	Saya selesa melayan rakan yang mengunjungi tanpa mengira keturunan dan agama	1	2	3	4
13.	Adalah membazir untuk tidak meletakkan kenderaan di tempat yang dikhaskan untuk pensyarah	1	2	3	4
14..	Tiada beza antara pensyarah dengan pelajar yang penting ialah kecekapan berfikir	1	2	3	4
15.	Meniru dengan cekap adalah tindakan yang bijaksana	1	2	3	4

16.	Berbohong dibolehkan dalam keadaan tertentu	1	2	3	4
17.	Peluang mesti digunakan dengan cekap walau pun melanggar batasan nilai	1	2	3	4
18.	Saya merajuk bila ditegur	1	2	3	4
19.	Mengepam (flush) tandas selepas menggunakannya adalah tidak perlu jika perkhidmatannya telah dibayar	1	2	3	4
20.	Pendapat orang lain juga perlu diambil kira dalam banyak hal	1	2	3	4
21	Saya berasa selesa penyelesaian persengketaan antarabangsa dapat diselesaikan secara rundingan	1	2	3	4
22	Mencerobohi hak asasi manusia satu perbuatan yang tidak wajar	1	2	3	4
23..	Saya lebih selesa untuk tinggal sebilik dengan rakan yang seagama	1	2	3	4
\24.	Saya lebih selesa untuk membuat assignment dengan rakan yang seagama dengan saya	1	2	3	4
25.	Saya beri ucap selamat/salam kepada pensyarah yang tidak mengajar saya	1	2	3	4
26.	Saya beri laluan kepada orang tua untuk mendahului dalam barisan menunggu	1	2	3	4
27.	Saya akan beri laluan kepada staf universiti mendahului saya dalam apa-apa urusan	1	2	3	4

**SOAL SELIDIK TAMAT. SEKIAN, TERIMA KASIH.**

## BIBLIOGRAFI

### Buku

*Al-Quran dan Terjemahannya*. (1976). Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Manzur (1988). *Lisanul Arab al-Muheet*. Jld 1. Beirut: Dar Ajjabal Dar.

Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

\_\_\_\_\_ (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Osman Bakar (1997). *Islam and Civilizational Dialogue*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Beg, M.A.J (1985). *Islamic Civilization*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sulaiman Huzain (1994). *The Future of Culture in Arab Egypt*. Cairo :Daar Al Shuruk. Cairo.

Siddiq Fadil (2003). *Perspektif Qur'ani: Siri Wacana Tematik*. Kajang: Angkatan Belia Islam Malaysia

Mohammad Khatami, trj (1998).. *Membangun Dialog Antar Peradaban: Harapan dan Tantangan*. Bandung: Penerbit Mizan.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978). *ISLAM: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: ABIM

Ghazali Basri (1990). *Christian Mission And Islamic Da'wah In Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Rasid Muhamad (2000). *Matra Tamadun Islam*, Selangor. Kuala Lumpur: ABIM

Kamar Oniah Kamaruzaman (2003). *Islam: A Contemporary Comparativen Discourse*. Sungai Ramal Dalam : Akademi Kajian Ketamadunan

Chandra Muzaffar (2003). *Muslim, Dialogue, Terror*. Petaling Jaya : JUST

Allen & Yen (1978). *Introduction to Measurement Theory*. California: Brook/Cook Pub.Co.

Yusuf Qaradhawi, trj (2001). *Islam dan Globalisasi Dunia*. Jakarta Timur: CV. Pustaka Al-Kautsar.

Toynbee, Arnold (1949). *A Study of History*. New York: Oxford University Press.

Mun'im A.Sirry, ed (2004). *Fiqih Lintas Agama: Membangun Masyarakat Inklusif-Pluralis*. Jakarta: Paramadina

### Article dalam Buku

Chandra Muzaffar, Che Wan Jasimah Wan Mohd Radzi, Hashim Hj Musa dan Mohd Zuhdi Marsuki (2001). *Pengenalan Ilmu Ketamadunan* Dlm. Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Wan Halim Othman (1982). *Perhubungan Kaum dan Perpaduan Negara* Dlm. Zuraina Majid. Masyarakat Malaysia: Tinjauan dan Perbincangan Terhadap Beberapa Isu dan Topik Semasa. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Leonard Swidler, (1986) *Human Rights and Religious Liberty From the Past to the Future* Dlm Leonard Swidler. ed., Religious Liberty and Human Rights . New York: Hippocrene Books.

Syed Othman Alhabshi & Hj. Faisal Othman (1996). *Principles of Tolerance in Islam and the Historical Practices*, Dlm Syed Othman Alhabshi & Nik Mustapha Nik Hassan.ed., Islam and Tolerance. Kuala Lumpur: IKIM.

Mahathir Mohammad (1996). *Improving Tolerance Through Better Understanding*. Dlm Syed Othman Alhabshi & Nik Mustapha Nik Hassan.ed., Islam and Tolerance. Kuala Lumpur: IKIM.

Ismail Raji Al-Faruqi (1992). *Islam and Christianity: Diatrible or Dialogue*. Dlm Leonard Swidler.ed. Muslim in Dialogue. New York: The Edwin Mellen Press. Ltd.

Leonard Swidler (1992). *The Evolution of Dialogue*. Dlm Leonard Swidler. ed. Muslim in Dialogue. New York: The Edwin Mellen Press. Ltd.

Lee Check Yin ( 1997 ) *Islamic Values in Confucian Terms: Wang Daiyu and His Zhengjiao Zheng Quan* Dlm. Osman Bakar & Cheng Gek Nai. Ed., *Islam and Confucianism: A Civilizational Dialogue*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Nasir Tamara & Saiful Anwar Hashem (1996). *Agama dan Dialog Antar Peradaban*. Dlm. Nasir Tamara & Elza Peldi Taher. ed. *Agama dan Dialog Antar Peradaban*. Jakarta: Penerbit Paramadina.

Mahadzir Mohd Khir (2005). *Sekolah Wawasan Sebagai Asas Dialog Peradaban*. Dlm. Seminar Kebangsaan Dialog Peradaban: Peranan dan Kepentingannya di Malaysia. Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda (INMIND)

### **Kertas Kerja**

Abdulaziz Osman Altwaijri (24-27 Julai 1997). *Dialogue and Civilizational Interaction From An Islamic Perspective*. Dlm. 8th General Conference of The Supreme Council of Islamic Affairs: *Islam and The Future of Civilizational Dialogue*. t.t.: ISESCO, 7-27.

M.Q.Khan (15-17 Sept. 1997) *The Universal Culture: Its Relevance and Significance in the Academic Circles of the World*. Kertas Kerja International Seminar on Civilizational Dialogue: Present Realities; Future Possibilities. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Rusimah Sayuti, Salma Ishak dan Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah (2004). *Kajian Hubungan Kaum di Kalangan Pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia*. Seminar Antarabangsa Pemantapan Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme. 4-6 September 2004. Langkawi Kedah, 162-172.

United Nations University (31 Julai-31 Ogos 2001). *Laporan Persidangan Antarabangsa Dialog Peradaban*. Tokyo and Kyoto, Jepun,

### **Jurnal**

Hans Koechler (2003). *The Dialogue of Civilizations: Philosophical Basis, Current State and Prospects*. Asia Europe Journal. Hlm. 315-320.

### **Kajian-kajian**

Abdullah Taib (1984). *Integrasi dan Polarisasi Mahasiswa Universiti di Malaysia*. Laporan Teknikal, Biro Perundangan dan Penyelidikan. Bangi: Universiti Utara Malaysia. (tidak diterbitkan).

Jawariah Zaabar (2004). *Pembangunan Sahsiah Pelajar: Persepsi Pelajar Kolej Tun Fatimah Terhadap Peranan Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Kolej Tun Fatimah, UTM*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

### **Majalah dan Surat Khabar**

Shaharom TM Sulaiman (30 Mei 1998). *Agama dan Dialog Antara Peradaban*. Dlm. Massa. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Sdn. Bhd.

---

(Julai-September 2004). *Dialog Peradaban Agama Di Malaysia Praktik dan Kerelevanannya Hari ini*. Dlm. Pemikir. Kuala Lumpur: Utusan Karya Sd. Bhd.

*Prejudis dan Tragedi Kemanusiaan.* (5-11 Januari 2002) Dlm. Massa. Kuala Lumpur:  
Utusan Melayu Sdn. Bhd.

Utusan Malaysia (11 Mac 2001). Kuala Lumpur: Utusan Malaysia Sdn. Bhd.

### **Internet**

Chandra Muzaffar (8 Ogos 2005). *Towards The Developement of Tolerance and Understanding Between Races 2000.* <http://www.pkpim.net/modules/news>.

Syed Hossein Nasr (8 Ogos 2005). *Civilizational Dialogue and The Islamic World.*  
<http://www.islamonline.net/english/Contemporary/2004/08/article01c.shtml>.

Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya  
<http://www.um.edu.my>

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BORANG PENGESAHAN  
LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN\***

TAJUK PROJEK : **TAHAP DIALOG PERADABAN : KAJIAN DI KALANGAN  
PELAJAR TAHUN 3 UNIVERSITI TEKNOLOGI  
MALAYSIA,SKUDAI, JOHOR.**

Saya : **AZMI SHAH BIN SURATMAN**  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan **Laporan Akhir Penyelidikan** ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Laporan Akhir adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat penjualan salinan Laporan Akhir Penyelidikan ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
4. \* Sila tandakan ( ✓ )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN KETUA PENYELIDIK)

\_\_\_\_\_  
(NAMA & COP KETUA PENYELIDIK)

Tarikh: \_\_\_\_\_

**CACATAN:** \* *Jika Laporan Akhir Penyelidikan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak yang berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD*